

**Jilid II  
Bil. 18**



**MALAYSIA**

**Hari Khamis  
15hb Februari, 1973**

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1545]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (14hb Februari, 1973) [Ruangan 1560]**

**USUL:**

**Penangguhan [Ruangan 1606]**

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Khamis, 15hb Febuari, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### RUMAH MURAH DI LUAR BANDAR

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan yunit rumah-rumah murah yang telah dibina di kawasan-kawasan luar bandar di negara ini dan samada bilangan ini mencukupi untuk disewakan kepada golongan yang berpendapatan kecil;
- (b) samada Kerajaan akan membantu atau memberi lebih banyak pinjaman kepada Kerajaan Negeri Perak untuk membina lebih banyak rumah murah dalam tahun 1973; dan jika ya, nyatakan jumlahnya; dan
- (c) samada Kerajaan Persekutuan pada masa akan datang akan membina rumah-rumah murah untuk dijual kepada kakitangan Kerajaan di dalam Bahagian III dan IV.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Mengikut penyata daripada Jabatan Perangkaan ada lebih kurang 11,000 buah rumah murah telah dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan wang pinjaman dari Kerajaan Persekutuan di kawasan-kawasan luar bandar, Malaysia Barat dalam tempoh 1961-1972. Rancangan untuk pembinaan rumah sebanyak 1,816 buah telah diluluskan bagi tahun 1973. Perangkaan ini adalah meliputi jumlah rumah-rumah murah yang dibina dengan wang pinjaman Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Kementerian saya. Perangkaan itu tidak termasuk rumah-rumah yang dibina oleh Badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti FELDA, MARA, Jabatan Kerja Raya, Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad, Perbadanan Pembangunan Bandar, Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri dan sebagainya. Perangkaan ini tidak juga termasuk jumlah rumah-rumah yang telah dibina oleh pengusaha swasta atau oleh orang-orang perseorangan. Mengikut banci penduduk dan perumahan tahun 1970 terdapat lebih kurang 1.1 juta buah rumah bertempat

di kawasan-kawasan luar bandar, Malaysia Barat yang telah didiami oleh penduduk-penduduk luar bandar. Jumlah penduduk luar bandar ialah 6.3 juta orang. Ini bermakna dalam hitung panjang tiap-tiap sebuah rumah didiami oleh 6 orang. Mengikut perakuan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa di negara-negara Asia kepadatan (density) orang bagi mendiami sesebuah bilik pada hitung panjang (the average density of persons per room) ialah seramai 3 orang. Tetapi di Malaysia ini kepadatan bagi sesebuah bilik dalam hitung panjang ialah 2.6 orang. Daripada perangkaan-perangkaan itu nampaknya rumah-rumah di kawasan luar bandar untuk didiami oleh gulungan-gulungan yang berpendapatan kecil adalah mencukupi.

- (b) Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan bantuan kewangan pinjaman sebanyak \$1,335,700 kepada Kerajaan Negeri Perak untuk rancangan perumahan seperti berikut:

Tempat	Bilangan Unit	Jenis Rumah
Kampar ...	100	Brick terrace
Bruas ...	50	"
Batu Kurau ...	32	"
Slim River ...	50	"

Kerajaan Persekutuan sedia menimbangkan pinjaman tambahan jika Kerajaan Negeri Perak membuat permohonan.

- (c) Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad untuk membantu pegawai-pegawai Kerajaan dalam semua Bahagian memiliki rumah sendiri. Dengan itu rancangan pembinaan rumah-rumah bagi pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian III dan IV malahan dalam semua Bahagian adalah diselenggarakan oleh Syarikat tersebut.

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apakah tafsiran berpendapatan kecil yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan adakah Kerajaan menganggap bahawa orang-orang yang dapat membeli motokar yang harganya sama dengan harga rumah murah itu dianggap sebagai orang yang berpendapatan kecil?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, dalam perkara ini tidak ada hard and fast rule yang menentukan, cuma biasanya dalam berbagai tujuan ada berbagai nilai ataupun jumlah yang ditentukan bagi pendapatan kecil. Umumnya adalah ditafsirkan bahawa pendapatan kecil ini ialah orang yang berpendapatan dalam \$300.00 ke bawah sebulan.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan rumah murah ini pada hari ini nampaknya negeri-negeri yang banyak dapat ialah Selangor dan Perak dan negeri-negeri lain kurang. Oleh itu, Kerajaan patut membuat satu rancangan mendirikan rumah di seluruh Malaysia base on population basis, kalau banyak penduduk negeri itu dirikan banyak rumah dan kalau kurang penduduknya, kurangkan sedikit supaya semua Negeri dalam Malaysia ini dapat sama rata. Di Negeri Kedah rumah murah ini sedikit sangat dan tidak patut dengan penduduknya yang ramai itu.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, pada masa yang telah lalu, Rancangan-rancangan Perumahan Murah kebanyakannya dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri atau Badan-badan Berkanun yang di bawah Kerajaan Negeri. Jika Kerajaan Negeri itu tidak cukup wang daripada puncunya sendiri, maka mereka meminjam daripada Kerajaan Pusat, tetapi banyak negeri yang tidak berjumpa Kerajaan Pusat untuk meminjam wang dengan mengemukakan rancangan perumahan yang teratur. Boleh jadi di Kedah kurang sangat sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Itu adalah terletak kepada Kerajaan Negeri Kedah itu sendiri.

## IJAZAH UNIVERSITI TAIWAN/NANYANG

2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kementerian ini akan menimbangkan semula soal mengiktirafkan ijazah-ijazah dari universiti-universiti Taiwan dan Nanyang dan jika tidak, bagaimana dapat beliau sesuaikan hal ini dengan rangkaikata "Kepentingan Negara" yang dilafazkannya dalam Dewan Rakyat pada 20.12.1972 untuk memuaskan hati penuntut-penuntut

Malaysia lepasan universiti-universiti tersebut dan orang-orang Malaysia berketurunan China; dan

- (b) mengapakah tempoh jawatan yang ditawarkan kepada guru-guru sementara di dalam tahun 1973 di negeri Johor, misalnya berbeza; setengahnya bagi setahun dan setengahnya bagi empat bulan sahaja.

**Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kerajaan tidak dapat menimbangkan semula keputusan yang dibuatnya pada 20hb Disember yang lalu.

Keputusan itu dibuat atas dasar kepentingan negara walaupun ia tidak semestinya memuaskan perasaan siswazah-siswazah daripada kedua-dua universiti tersebut. Bagi siswazah-siswazah universiti-universiti itu, walaupun ijazah-ijazah mereka tidak diiktiraf, Kerajaan telah mengumumkan bahawa kelayakan-kelayakan mereka adalah diberi penilaian.

- (b) Setengah daripada guru-guru sementara yang dilantik secara attachment telah ditawarkan jawatan selama empat bulan sahaja kerana di bawah sekim Perkhidmatan Pelajaran baru, seseorang calon yang hendak memohon jawatan sebagai guru hendaklah memiliki di antara lain kelulusan pangkat Kepujian Bahasa Malaysia II di peringkat S.P.M./M.C.E. Guru-guru yang diberi tawaran guru sementara secara attachment itu tidak mempunyai kelayakan tersebut tetapi mereka sedang menunggu keputusan peperiksaan S.P.M./M.C.E. yang diadakan pada bulan November/Disember yang lalu. Jika mereka berjaya mendapat kelulusan yang disebutkan itu, perkhidmatan mereka akan diteruskan atas dasar sebulan ke sebulan sehingga 31-12-1973.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di Pertua, memandangkan Kerajaan tidak dapat menimbangkan semula soal mengiktirafkan ijazah-ijazah universiti-universiti Taiwan dan Nanyang, maka saya ada tiga soalan tambahan yang berikut:

- (i) bolehkah Kerajaan mengumumkan kandungan penuh apa yang dinamakan

Laporan Jawatankuasa Menilai Ijazah-ijazah Universiti-universiti Luar Negeri dan sila memberi penjelesan langkah mengeniannya kepada rakyat jelata;

- (ii) samada Kerajaan berpendapat bahawa memandang berat nilai ijazah dengan pengiktirafan ijazah adalah dua perkara yang berlainan sama sekali;
- (iii) dengan tidak mengiktirafkan seluruh ijazah universiti-universiti daripada Taiwan dan Nanyang tidakkah negara kita sendiri akan mengalami kerugian besar dalam bidang persekolahan tinggi.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, bagi menyenangkan saya, saya mintalah Ahli Yang Berhormat mendatangkan soalan tambahan satu persatu, tidak tiga, empat sekali payah saya hendak menjawabnya.

Bagi pertanyaan yang pertama iaitu samada laporan Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan-kelayakan akan dikeluarkan itu saya akan menjawabnya dalam soalan No. 4.

Soalan yang kedua, saya tidak faham samada berupa soalan ataupun pandangannya. Saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan soalan tambahan satu persatu.

**Tuan Yang di Pertua:** Minta ulangan balik soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan yang kedua begini: samada Kerajaan berpendapat bahawa memandang berat nilai ijazah dengan pengiktirafan ijazah adalah dua perkara yang berlainan sama sekali.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Maknanya Kerajaan tidak memberi pengiktirafan, tetapi memberi penghargaan, itulah maknanya (*Ketawa*).

**Tuan Wong Seng Chow:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berpendapat bahawa:

- (i) Soal atau perbincangan atas masaalah pengiktirafan ijazah-ijazah Universiti Nanyang dan Taiwan adalah satu perkara sensitive;

(ii) jika tidak, adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan bersedia memberikan pendapat atau nasihat Yang Berhormat itu kepada pihak Polis yang mana telah mengelaskan soalan tersebut adalah satu perkara atau soalan sensitive sebagaimana yang telah diceritakan dalam akhbar *Straits Times* pada 15-2-1973.

'Tuan Yang di Pertua, di sini izinkan saya membaca berita akhbar yang berkenaan, muka 9 yang menyebutkan antara lain:

“The question of recognition of Nanyang, Taiwan, Indian and Middle Eastern University degrees cannot be raised as it is sensitive.”

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, oleh kerana masalah ini sudah menjadi satu masalah perbincangan dan satu masalah yang mendatangkan fahaman bukan satu dua fahaman sahaja, ini berkaitan dengan sebuah universiti yang menggunakan bahasa penghantarnya dalam satu bahasa. Pada pandangan saya masalah sensitive atau tidak terpulanglah kepada pandangan pihak di sebelah sana, masalah ini sensitive.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya rasa, kalau sekiranya polis telah menyatakan sensitive dan hari ini kita telah mendengar Universiti Nanyang telah menjadi satu perkara yang sensitive, tidakkah bagi pihak Dewan ini tidak harus membangkitkan perkara ini dan tidak payah dijawab oleh Menteri kerana perkara itu perkara sensitive.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Masalah samada boleh dibangkitkan atau tidak terpulanglah kepada Tuan Yang di Pertua untuk memutuskannya.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, perkara sensitive itu ada dua maknanya. Kadang-kadang kita di rumah suami-isteri pun ada sensitive. Yang dikatakan sensitive di bawah Sedition Act ada tercatat dalam Act itu. Sensitive di bawah Sedition Act itu lain daripada perkara sensitive biasa. Pada pendapat saya menimbangkan samada graduate daripada Universiti Nanyang atau Taiwan itu boleh diiktirafkan oleh Kerajaan atau tidak, bukanlah satu perkara seditious, satu kesalahan dari segi undang-undang, tetapi oleh kita

yang patut menjawab dalam Majlis ini menimbangkan iaitu perkara sensitive dari segi orang Melayu dan orang Cina memandangnya. Bagaimana kita pandang dalam Majlis ini sekalipun kadang-kadang kalau dijawab dan sedap bunyinya, dia tepuk, tetapi yang lain lagi pula, bila tak kena, dia tak tepuk. Yang menepuk ini misalnya orang Melayu, yang lainnya yang tak menepuk iaitu dari keturunan Cina, itu digelar sensitive. Saya nampak di dalam inipun sudah ada berbau sensitive.

Perkara ini semalam saya dengar, Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberikan penerangan iaitu dengan sebab-sebab yang tertentu, katanya, tetapi beliau tidak menerangkan sebab-sebabnya yang tertentu itu, kerana boleh jadi kalau diterangkan akan menimbulkan salah sangka, dan dikeluarkan dalam akhbar dan lain-lain menimbulkan perasaan communal jika kelak dibahaskan dalam akhbar di negeri ini. Itulah sebabnya. Dalam jawapan itu saya suka menerangkan lagi sekali ialah, tidak diiktiraf ijazah itu adalah dasar Kerajaan yang mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah ditetapkan. Tetapi kalau hendak diongkit lebih daripada itu, terpulanglah kepada Dewan ini dan kebenaran Tuan Yang di Pertua.

### KELINIK TETAP—MENUBUHKAN

**3. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan membina Klinik-klinik tetap di kawasan-kawasan luar bandar di negara ini;
- (b) adakah beliau sedar bahawa terdapat lebih kurang sepuluh buah kenderaan seperti ambulan, lori-lori kecil, kereta-kereta kecil dan lain-lain rosak dan terbiar di Rumah Sakit Besar Ipoh buat beberapa tahun lamanya, dan jika ya, mengapakah kenderaan-kenderaan ini tidak diperbaiki ataupun dilelong; dan
- (c) adakah beliau mengistiharkan 12hb Mei sebagai Hari Jururawat seperti yang dicadangkan oleh Persatuan Jururawat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Rancangan-rancangan menubuhkan klinik-klinik tetap melalui pusat-pusat

kesihatan dan Klinik Bidan telahpun berjalan sejak tahun 1955 dan hingga 31-12-72, Kementerian saya telah membina:

51 Pusat Kesihatan Besar  
200 Pusat Kesihatan Kecil  
1,107 Klinik Bidan

(b) Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa terdapat beberapa kenderaan seperti ambulan, lori-lori kecil, kereta-kereta kecil dan lain-lain yang tidak boleh digunakan lagi di Hospital Besar, Ipoh dan tindakan bagi meujudkan satu Lembaga untuk memeriksa kedudukan kenderaan tersebut telah pun dijalankan dan pendapat Lembaga ini akan dikemukakan ke Kementerian dari semasa ke semasa. Adalah didapati bahawa kenderaan-kenderaan tersebut tidak mungkin diperbaiki dan harus semuanya akan dilelong mengikut Arahan Perbendaharaan selepas mendapat laporan daripada Lembaga yang dinyatakan di atas.

(c) Tidak.

### IJAZAH UNIVERSITI LUAR NEGERI—PENGIKTIRAFAN

4. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menerbitkan Laporan Jawatankuasa Penilaian atas Pengiktirafan Ijazah-ijazah Universiti Luar Negeri.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak bercadang menerbitkan laporan-laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan-kelayakan kerana ini tidak sesuai dengan kepentingan awam (public interest).

Di sini saya hendak menerangkan tidak sesuainya dengan public interest di dalam kajian-kajian Jawatankuasa ini boleh jadi menyentuh mutu-mutu akademik sebuah universiti yang di luar negeri yang akan menyinggung perasaan universiti-universiti itu. Itu sebagai satu misalan yang saya katakan not in the public interest to disclose penyiasatan Jawatankuasa ini.

Kerajaan akan menerbitkan senarai yang menunjukkan ijazah-ijazah dari universiti-universiti dan instituit-instituit pengajian

tinggi asing yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi panduan pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajarannya ke luar negeri.

### TEKSI HARAM KE MAHKAMAH—KESALAHAN

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) bilangan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah oleh Kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha teksi sapu di tiap-tiap negeri dalam tahun 1972 dan bilangan penghukuman-penghukuman yang sabit kesalahannya; dan
- (ii) memandangkan susahnyanya mendapatkan sabit kesalahan terhadap seseorang pengusaha teksi sapu, samada Kerajaan akan menukarkan dasarnya terhadap pengusaha-pengusaha teksi sapu dan mengeluarkan lebih banyak lagi lesen-lesen teksi untuk melindungi orang ramai.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua,

- (i) bilangan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah oleh Kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha teksi haram di tiap-tiap negeri dalam tahun 1972 dan bilangan penghukuman-penghukuman yang sabit kesalahannya adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Pengusaha Teksi Haram yang Didakwa	Bil. yang Didapati Bersalah dan Dihukum	Bil. yang Dibuang Bicara	Kes yang Belum Dibicara
Johor .. ..	68	11	—	57
Melaka .. ..	6	2	2	2
Perak .. ..	130	75	25	30
Pahang .. ..	11	4	—	7
Selangor .. ..	30	10	5	15
Trengganu .. ..	17	3	—	14
Kelantan .. ..	3	2	—	1
Negeri Sembilan	21	1	3	17
Kedah/Perlis ..	18	2	—	16
Pulau Pinang ..	3	2	—	1
Jumlah .. ..	307	112	35	160

- (ii) Teksi haram atau sapu ada ujud selagi ada penumpang-penumpang yang menggunakannya. Orang ramai telah pun diberitahu tentang bahayanya menaiki teksi haram kerana teksi haram tidak mempunyai insuran penumpang. Kerajaan telah pun mengeluarkan lesen-lesen teksi dan kereta sewa yang difikirkan cukup di seluruh negara di

Malaysia Barat ini, dan lagi Kementerian saya dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri adalah sentiasa mengkaji kemungkinan menambah lesen teksi dan kereta sewa dari satu masa ke satu masa supaya seimbang dengan keperluan orang ramai.

Teksi haram adalah ujud kerana belanjanya lebih rendah daripada teksi berlesen kerana ia tidak membayar insuran penumpang, lesen pemandu vokesyenal dan pemeriksaan kereta yang diadakan tiap-tiap 6 bulan sekali, dan sebagai kereta persendirian teksi-teksi haram bebas berjalan ke mana-mana sahaja. Satu lagi sebab teksi haram itu ujud ialah kerana teksi-teksi berlesen tidak balik ke pengkalannya. Jika teksi dan kereta sewa yang meninggalkan pengkalannya dapat dikesan dan ditangkap maka tindakan sewajarnya akan dikenakan ke atas mereka. Tindakan terhadap pengusaha-pengusaha teksi haram akan diambil dan diperketatkan lagi oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Yang sebenarnya undang-undang keterangan atau evidence law telah pun dipinda di dalam kesalahan kecil. Sekiranya disyaki atau ditahan pemandu sebagai teksi haram, dibicarakan, maka pemandu itu menerangkan yang passenger atau penumpang-penumpang itu bukan bayar duit, bukan passenger. Tetapi yang malangnya apabila bicara, passenger itu tak datang, ataupun kalau datang dia kata dia tak beri duit, kawan dia, saudara, abang dia, tetapi kalau pihak Polis sudah dapat memastikan tiap-tiap jam teksi itu membawa penumpang-penumpang ada yang pakai serban dan sebagainya tetapi dia kata saudaranya, jadi mengikut law of evidence, the presumption, maknanya dia telah menjalankan perkhidmatan teksi haram, dan itu bagi pihak magistrate memutuskan.

Dan begitu juga saya mengambil peluang di sini untuk meminta kerjasama terutama sekali Yang Berhormat yang bertanya dari Negeri Sembilan, juga syarikat-syarikat bas kerana banyak kena potong jalan dan juga pemegang-pemegang lesen teksi itu kerana teksi-teksi sapu telah sapu segala penumpang-penumpang (passengers) mereka, supaya bekerjasama dengan Kementerian saya dan

pihak polis supaya kita akan dapat menjalankan seberapa ketat hendak menghapuskan teksi haram itu. Dengan adanya keterangan yang saya sebutkan tadi Kerajaan kita yang berdasarkan memberi peluang lesen teksi ini sebagai mata pencarian yang baik, kalau teksi haram ditangkap, dihukum, dikeluarkan lesen kepada mereka, saya fikir 10,000 teksi akan ada dalam Kuala Lumpur ini. Apa akan jadi? Peniaga teksi semua tutup, kerana semua akan rugi. Oleh sebab itu, pada Kerajaan yang berdasarkan kepada kontrol, tetapi flexible system of issuing permit mengeluarkan permit teksi atau kenderaan-kenderaan perdagangan, mengeluarkan permit itu dan saya telah pun dapat akaun daripada Jawatankuasa ECAFE, ejennya daripada United Nations (Bangsa-bangsa Bersatu) yang kontrol flexible policy di Malaysia ini dari segi perniagaan kenderaan dan pengangkutan yang paling baik sekali dalam Tenggara Asia ini dan kita memungut hasil daripada kenderaan semua sekali dalam tahun 1972 ialah sebanyak \$193 juta.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dengan banyaknya teksi haram terutama di Kuala Lumpur ini ialah kerana teksi yang berlesen itu keadaannya tidak sesuai dengan kemegahan Bandaraya ini?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya sedar segala-galanya, tetapi kalau saya hendak perintahkan dalam tempoh 24 jam teksi mesti dibaharui semua sekali, maka akan tutuplah perusahaan teksi. Saya juga mengambil tindakan mengikut cara yang baik, dalam masa 3 bulan atau 6 bulan diberi tempoh dan beransur-ansur. Kita hendaklah bertimbang rasa juga atas orang-orang yang hendak hidup mencari nafkah itu.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Untuk faedah orang ramai, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menasihatkan atau membuat peraturan bagi mengenakan undang-undang kepada teksi-teksi yang ada sekarang supaya kedudukan dan keadaannya baik, sesuai dan dapat dirasakan nikmatnya oleh orang ramai.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, undang-undang dan peraturan itu semua ada, tetapi kalau kita jalankan kuatkuasa dengan begitu ketat, akan tutuplah kebanyakan perniagaan teksi

hari ini. Saya akan perintahkan Ketua Pengarah supaya menyelidiki lagi cara-cara mana yang kita boleh beri tempoh yang berpatutan.

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Soalan tambahan. Satu daripada sebabnya yang mana pihak Kementerian tidak ingin mengeluarkan lesen teksi yang banyak ialah kerana Kementerian berpendapat bahawa kalau terlalu banyak lesen teksi dikeluarkan, maka mereka tidak akan dapat mencari keuntungan daripada perusahaan itu. Adakah Kementerian dapat tahu berapa banyak syarikat teksi telah terpaksa ditutup oleh kerana adanya teksi-teksi yang tidak berlesen itu dan adakah pihak Kementerian sedar bahawa syarikat-syarikat teksi itu jauh daripada menjadi bengkerap telah pun bersedia untuk membayar kepada siapa juga yang boleh mendapat lesen teksi dengan bayaran istimewa kalau mereka mendapat lesen itu iaitu mereka berani membayar lebih daripada yang dikehendaki oleh Kerajaan kerana peluang dalam perusahaan itu masih begitu baik.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ahli Yang Berhormat itu bertanya, dia sendiri pun tahu, tetapi saya lebih tahu lagi. Perkara yang hendak dibayar black market itu, saya memang tak tahu, kalau tahu, saya akan tangkap (*Ketawa*). Sekarang hendak tangkap apa, yang memberi tak mahu cakap, yang menerima pun tak mahu cakapkan, keduanya tak mahu bercakap. Inilah sebab jadi teksi haram. Perkara ini tahu sama tahu, tetapi kita jaga sekarang. Majlis Perlesenan akan mengetatkan cara-caranya. Saya harap perkara yang semacam itu tidak akan berlaku di waktu saya balik menjadi Menteri Perhubungan, hendak menghubungkan dengan baik kepada rakyat seluruhnya.

Berkenaan soal tutup atau tak tutup, itu soal perniagaan tetapi saya berani menyatakan di sini di mana-mana ada pengkalan di luar bandar bahawa semua teksi di luar bandar itu keluar pergi ke dalam bandar, bukan sahaja dia ambil hasil dalam bandar, dia buat express. Inilah yang menyebabkan teksi Mercedes lari 80-90 b.s.j. antara Kuala Lumpur pergi ke Seremban, Kuala Lumpur—Ipoh dan Pulau Pinang. Jadi dia lari daripada base. Ambil hak keretapi, keretapi rugi, baharu mula hendak naik. Ambil hak bas express, ambil hak bas biasa, ambil hak teksi,

ini perkara yang terang, maka saya nasihatkan kepada mereka yang terkena oleh teksi sapu itu, dia mesti berkumpul dan sapu balik (*Ketawa*).

**Tuan Abdul Samad Osman:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata, sebab banyak teksi curi oleh satu perkaranya ialah kerana teksi sebenarnya dia tidak balik ke stesyen itu atau basenya, itu betul. Dengan kerana itu, saya nampak, siapa yang salah, salah Kerajaan. Misalnya, kenapa teksi untuk Merbok, diberi orang Sungai Patani, jadi teksi banyak. Jadi oleh sebab itu tidak eloklah kalau Kerajaan masa ini beri teksi di tempat itu orang tempatan, kerana saya dapat tahu masa ini banyak orang tempatan minta pun tidak dapat.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ahli Yang Berhormat dari Kedah ini, dia faham. Masa zaman dahulu, zaman B.M.A., siapa hendak teksi dia beri. Itu sememang ada lagi, melainkan dia bersalah, kita potong namanya, baharu namanya tidak ada lagi. Tetapi di dalam syarat-syarat permohonan daripada Majlis Pelesen, pertama sekali dia tanya, tahu bawa kereta teksi? Ada lesen? Tahu. Ada kewangan? Ada. Tinggal tempat kawasan itu? Ya. Kita periksa, bukan dengar cakap dia. Inilah dasar kita, tetapi di setengah-setengah ini barangkali yang dahulu-dahulu telah beri kerana waktu itu tidak ada kawalan yang rapi semacam itu dan kami tidak boleh potong-potong sahaja, melainkan dia lari, dari base ada report kita periksa dan didapati betul, sekali maaf, dua kali, tahan tiga bulan; tiga kali potong terus sekali.

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa satu daripada cara untuk memusnahkan teksi sapu ini ialah supaya pengguna-pengguna teksi sapu ini sapu balik teksi-teksi tadi. Bolehkah pihak Kementerian menganjurkan satu persatuan orang-orang yang menggunakan teksi sapu ini supaya dapat mereka menjalankan tindakan ini dengan secara yang lebih licin?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya tidak faham tadi, teksi sapu, mengadakan persatuan. Saya tidak boleh hendak menggalakkan satu perkara yang dilarang oleh undang-undang.

## RANCANGAN FELDA—PENEROKA

6. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (i) bilangan rancangan-rancangan FELDA di Malaysia dan bilangan peneroka-peneroka yang mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan itu;
- (ii) bilangan peneroka-peneroka FELDA berketurunan Cina dan India; dan
- (iii) mengapakah rancangan-rancangan FELDA nampaknya tidak menarik minta kepada rakyat Malaysia berketurunan Cina dan India.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di Pertua,

- (i) Pada 1-1-1973 bilangan rancangan FELDA ialah 130 buah; dan jumlah peserta-peserta FELDA ialah 25,984 kelamin.
- (ii) Pada 1-1-1973 jumlah bilangan peserta-peserta Cina ialah 612 kelamin dan India 548 kelamin.
- (iii) Mungkin ada banyak sebab-sebab tetapi di antara yang Kementerian memandang ialah oleh kerana rancangan-rancangan kelapa sawit mengikut kaedah yang dimiliki secara bersama oleh peserta-peserta, dan mengenai rancangan getah pula kerja-kerja di rancangan diuruskan secara bergotong-royong selama beberapa tahun sebelum lot-lot diuntukkan kepada peserta-peserta. Dan ada kemungkinan lain lagi iaitulah sebelum rancangan-rancangan mengeluarkan hasil, FELDA hanya menjamin peserta-peserta mendapatkan pendapatan sebanyak \$69.60 sahaja pada setiap sebulan.

Kita telah dapati ada kejadian-kejadian yang berlaku beberapa tahun yang lalu di mana terdapat beberapa orang keluarga Cina dan India yang telah meninggalkan rancangan-rancangan FELDA dengan keinginan mereka sendiri setelah mereka dapati tidak sesuai dengan keadaan di dalam Rancangan itu. Kejadian ini terdapat di Rancangan Sungai Buaya, Rawang, Ulu Selangor pada beberapa tahun yang lalu misalnya, ada 15

keluarga daripada mereka itu yang telah mengundurkan diri ataupun keluar daripada Rancangan itu sendiri.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb Februari, 1973).

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari yang keempat dan hari yang akhir bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 dan pada hari esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawabnya. Oleh kerana boleh jadi ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian pada hari ini dapat membuat ucapan mereka dengan ringkas, tetapi tepat dan padat dan tidak mengulang-ulangkan perkara yang telah dibangkitkan.

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan Tahun 1973 ini.

Tuan Yang di Pertua, saya dapat tahu iaitu Menteri Kebajikan Am, Tan Sri Fatimah, akan meletakkan jawatannya pada akhir bulan ini. Jadi sebagai wanita yang pertama memegang jawatan yang semacam itu berat, patutlah Dewan ini mengambil berat dan penghargaan kepada jawatan yang telah dihidmatkan oleh beliau terutama sekali pada masa banjir. Dan juga perbelanjaan pada tahun 1973 ini sangatlah banyak peruntukannya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan saya harap Menteri yang mengambil tempat Tan Sri Fatimah itu akan lebih bergiat lagi menunjukkan kebolehan kepada negara ini.

Tuan Yang di Pertua, di sini saya telah perhatikan bermelion-melion ringgit telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membuat hospital di seluruh negara kita ini.

Saya takut pada masa akan datang hospital-hospital ini disalahgunakan iaitu perkara mengisap ganja dan makan morphine ini telah merebak di seluruh negara ini. Tetapi sangatlah susah kepada Kerajaan, terutama sekali kepada Jabatan Polis untuk bertindak kerana banyak perkara yang telah ditangkap oleh Kerajaan berkehendakkan exhibitnya. Saya tunjukkan satu atau dua tauladan apa yang telah berlaku di Kuala Kangsar, maka didapati tujuh lapan orang kena tangkap oleh sebab menghisap ganja, hanya dua orang sahaja yang kena denda kerana perkara itu ada di tangannya yang lain itu lepas. Dan baharu-baharu ini orang yang kena tangkap itu lagi semuanya dilepaskan oleh mahkamah, sebab exhibit ganja itu terlambat sedikit dihantar untuk disiasat.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, patutlah orang-orang yang kena yang semacam ini dibawa ke hospital dikaji dan pendapat dari doktor-doktor itulah dibawa kepada mahkamah supaya dapat diselenggarakan perkara yang semacam ini. Lagipun, sangatlah ringan hukuman yang diberi kepada orang-orang yang makan morphine dan menghisap ganja ini. Kalau diperhatikan di luar-luar negeri sehingga hukum bunuh telah dikenakan. Patutlah kita ubah undang-undang ini iaitu kita mengambil perhatian berat supaya dihukumkan mereka yang didapati salah, apabila didapati salah dihukumkan, iaitu dipenjarakan seumur hidup ataupun sekurang-kurangnya 10 tahun dengan tidak ada denda wang.

Tuan Yang di Pertua, banyak murid-murid di sekolah-sekolah telahpun dapat ataupun sudah jadi kelaziman kepada mereka menghisap ganja itu bukan sahaja yang di luar sekolah. Saya beri contoh kepada Tuan Yang di Pertua, jikalau Tuan Yang di Pertua sendiri pergi ke Taman Bahagia di Tanjong Rambutan, barangkali Tuan Yang di Pertua terkejut melihat ada sebuah sekolah iaitu 13 orang murid-muridnya mengisap ganja dan telahpun pada masa ini berubat di hospital itu.

Saya beri contoh lagi, Tuan Yang di Pertua. Ada seorang budak datang dari Pulau Pinang, dia telah mengisap ganja selama 5 tahun. Oleh sebab tidak dapat wang daripada bapanya, dipotongnya tengkok dan

perut bapanya. Pada masa ini telah menjalani penyiasatan, budak itu ada dalam Taman Bahagia sana.

Dan ada lagi seorang engineer di dalam Jabatan Talikom pula. Dia meletakkan jawatannya, dia jual keretanya, pergi ke Amerika dan mengatakan: "Selamat tinggal Malaysia" oleh sebab gilakan ganja. Dia pergi duduk dua tiga jam, kemudian dia balik semula. Pada masa ini beliau itu masih berubat lagi. Begitulah keadaan yang telah berlaku di dalam negara kita ini, Tuan Yang di Pertua. Maka di sini saya berharaplah terutama sekali, Menteri Pelajaran iaitu tidak membenarkan di mana kawasan-kawasan sekolah menghisap rokok ataupun menghisap apa benda sekalipun.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Menteri Kesihatan, berapa banyak orang-orang, murid-murid sekolah yang tidak ada bekerja, mengapa yang kita hambat sangat iaitu mengambil orang-orang yang di luar negeri ini menjadi jururawat, walhal banyak pemudi di sini yang telah lulus sekolah tidak dapat kerja. Ini patut kita timbangkan lebih dahulu daripada mengambil orang-orang yang di luar negeri berkhidmat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di Pertua, saya suka memberi perhatian kepada Tuan Yang di Pertua, iaitu berkenaan dengan apa yang telah berlaku dalam negara ini seperti kata Yang Berhormat semalam wang dibuangkan di Sungai Perak. Ini perkara betul, kita tidak boleh nafikan, sebuah Jambatan Iskandar sudah berpuluh-puluh tahun tidak runtuh, tetapi disebabkan balak-balak yang melalui sungai itulah yang menyebabkan Jambatan Idris itu runtuh, pada hal jambatan itu baharu dibina. Dan banyak lagi jambatan-jambatan yang lain yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Begitu juga kita telah membelanjakan bermelion-melion ringgit membuat jalanraya, pada hal berapa lama boleh tahan jalanraya ini. Adakah kita menggunakan batu besar-besar bagaimana penjajah dahulu menggunakan yang jalan itu boleh digunakan berpuluh-puluh tahun? Ini patut disemak dan dihalusi.

Saya tidak hendak bercakap panjang, Tuan Yang di Pertua, saya berharaplah

kepada Kerajaan supaya mengkaji dan menghalusi segenap lapisan perbelanjaan pada masa yang akan datang.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1973.

Kita sungguh berasa gembira memerhatikan kemajuan-kemajuan yang besar yang diperolehi di dalam bidang perusahaan, khususnya di negeri-negeri dalam Malaysia ini. Kejayaan-kejayaan ini disebabkan beberapa faktor terutamanya kerana kestabilan ekonomi dan politik yang didapati di negara kita ini. Kalaulah tidak dengan faktor-faktor yang disebutkan tadi, maka sudah tentu Malaysia akan mengalami kesusahan dalam menarik pelaburan asing masuk di negeri ini untuk bersama-sama memajukan perusahaan dengan memberi peluang bekerja kepada banyak tenaga manusia di negara kita ini. Dengan demikian itu maka perlulah bagi para pemimpin dari semua golongan baikpun dari badan-badan politik, trade union dan sebagainya memerhatikan tindakan-tindakan mereka supaya kestabilan ekonomi dan politik yang dialami sekarang ini tidak tercebur nanti.

Tuan Yang di Pertua, dalam pada itu pula janganlah kita kebelakangan kepentingan-kepentingan rakyat kita yang terlibat di dalam kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan itu. Adalah menjadi mustahak juga supaya kepentingan dan kebajikan khususnya gaji-gaji mereka itu diperhatikan dengan baik.

Menteri yang berkenaan hendaklah sentiasa mengawasi hal kebajikan pekerja-pekerja di tempat-tempat mereka bekerja itu dan dengan demikian itu saya percaya mereka akan memberi perkhidmatan yang lebih puas lagi. Ada didapati di setengah-setengah kilang dan perusahaan wanita-wanita yang belasan umur dikehendaki bekerja shift sehingga larut malam. Keadaan sedemikian ini, Tuan Yang di Pertua, jika diamalkan akan menimbulkan pula masalah-masalah sosial nanti. Dalam perjalanan kita, maka sudah tentu kita suka lihat anak-anak rakyat kita maju dan mahir dalam tempat-tempat bekerja mereka.

Kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan kerana menguntukkan wang yang begitu banyak sekali kepada

Kementerian Pelajaran dalam Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1973. Ini membuktikan betapa beratnya pandangan Kerajaan terhadap soal pelajaran anak-anak kita kerana Kerajaan sedar bahawa pelajaran adalah kunci kemajuan kepada negara kita. Sungguhpun demikian, kita dapat banyak masalah-masalah yang berbangkit dari masa ke semasa, umpamanya murid-murid yang tercicir. Bagi murid-murid yang tinggal dalam bandar-bandar besar, mereka berpeluang melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah private sekiranya mereka gagal di dalam peperiksaan. Tetapi bagi murid-murid di luar bandar peluang sedemikian itu tidak diperolehi. Eloklah juga jika Kementerian Pelajaran dapat menimbang-cadangan mengadakan sekolah-sekolah vokesyenal di kawasan luar bandar supaya berpeluang murid-murid yang gagal di dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran melanjutkan pelajaran mereka.

Saya sangat gembira mengetahui bahawa Kementerian Pelajaran sedang membina asrama-asrama bagi penuntut-penuntut dengan rancaknya di negeri-negeri dalam Malaysia ini. Sekiranya didapati kekurangan tanah untuk pembinaan asrama-asrama, maka Kementerian Pelajaran boleh juga menimbang-cadangan menggunakan bangunan-bangunan sekolah yang tidak dipakai lagi.

Sebagaimana yang kita ketahui, Tuan Yang di Pertua, bahawa samada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri pada tiap-tiap tahun mengeluarkan banyak daripada berbagai-bagai rupa bantuan untuk pelajaran anak-anak kita.

Selain daripada itu, badan-badan yang tertentu iaitu badan-badan suka-rela juga ada mengeluarkan bantuan-bantuan sedemikian itu. Dalam pada itu juga kita dapat ramai daripada orang-orang di kampung yang masih dalam gelap cara-cara memohon bantuan-bantuan itu.

Saya berpendapat adalah lebih berfaedah dan memberi kesan jika semua bantuan-bantuan dari berbagai-bagai punca itu dapat diselaraskan dengan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Dengan cara ini, saya percaya, dapatlah bantuan-bantuan itu disalurkan dengan lebih luas lagi.

Tuan Yang di Pertua, semenjak Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan, maka

kita bergembira dapat melihat ramai dari bumiputra muncul ke hadapan untuk mencari nafkah dalam lapangan perniagaan. Mereka telah berani dan sanggup menceburkan diri mereka dalam perniagaan dengan cara kecil pada mulanya iaitu berniaga di gerai-gerai kecil.

Kita mengucapkan tahniah kepada mereka itu dan segala pertolongan dan galakan patutlah diberi oleh semua pihak yang berkenaan.

Di setengah-tengah bandar di Malaysia ini, didapati peluang bagi bumiputra berniaga sedemikian itu sangat kekurangan disebabkan ketiadaan tempat yang sesuai. Dalam perkara ini, saya percaya MARA dan UDA dapat memainkan peranan bagi mendirikan gerai-gerai yang sesuai bagi bumiputra dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Tempatan. Sekiranya keadaan ini dipupuk dan digalakkan saya percaya lama-kelamaan jurang perbezaan di antara semua kaum di negeri ini akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di Pertua, kita memang membanggakan dengan peranan yang telah dan sedang dilakukan oleh UDA terutamanya dalam lapangan membantu dan menggalakkan bumiputra berniaga, di tengah-tengah bandar yang besar seperti bandar Kuala Lumpur, tetapi, ini saya katakan "tetapi" bahawa saya merasa sedih apakah UDA ini hanya berpusat di Kuala Lumpur sahaja sedangkan bandar-bandar besar yang lain sangat-sangat memerlukan bantuan digalakkan UDA seperti Pulau Pinang yang patut diambil perhatian dengan segera.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di Pertua, di bandar raya Gorge Town Pulau Pinang banyak sungguh bumiputra-bumiputra yang berhajat untuk mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan secara besar-besaran, umpamanya dalam lapangan restaurant dan pekedai-pekedai besar. Tetapi malangnya sekali, tempat yang sesuai tidak diperolehi, ataupun jika ada, bumiputra tidak sanggup memilik tempat tersebut, melainkan dengan bantuan pihak-pihak yang berkenaan seperti UDA. Oleh yang demikian, saya merayu iaitu dengan keinsafan UDA supaya UDA tidak akan membuang masa lagi, kerana kita sudahpun sampai masuk tahun yang ketiga untuk UDA mengambil bahagian yang cergas

membantu dan memimpin bumiputra di Pulau Pinang dalam lapangan perniagaan ini.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kedua, saya menyeru Kerajaan supaya mengarahkan jabatan-jabatan yang berkenaan melebihi lagi usaha memberikan penerangan-penerangan kepada orang ramai terutama rakyat di luar bandar supaya mereka dapat memahami dengan lebih luas tentang Rancangan-rancangan Malaysia Kedua dan bagaimanakah peranan rakyat dalam rancangan-rancangan tersebut.

Saya berpendapat masih banyak rakyat di luar bandar khususnya orang Melayu yang tidak begitu jelas dan faham mengenai pelaksanaan dan juga tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Kedua yang mana hingga sekarang telahpun masuk tahun yang ketiga. Apa yang saya bimbang, Tuan Yang di Pertua, jika rakyat tidak dapat memahami dengan tepat kedudukan dan rancangan yang ada dalam Rancangan Malaysia Kedua itu, apa yang akan berlaku akhirnya, ialah hanya beberapa orang sahaja kelak yang akan mendapat faedah dari rancangan yang begitu besar ertinya bagi pembangunan negara kita ini. Pendek kata yang kaya akan menjadi kaya lebih-lebih lagi dan yang miskin, miskin juga.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian dalam ucapan saya pada tahun 1971 apabila Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan di Dewan yang mulia ini, saya telah berkata iaitu Rancangan Malaysia kedua hanya akan berjaya dengan tiga faktor sahaja yang besar, yang pertama mahulah pihak-pihak swasta jujur dan memainkan peranan yang besar untuk memajukan Rancangan Malaysia Kedua.

Yang kedua, pegawai-pegawai Kerajaan patutlah jujur di dalam tugas mereka supaya tujuan yang kita kehendaki ini berjaya.

Yang ketiga, kita juga sebagai bumiputra mahulah berusaha supaya dapat segala nikmat yang dicita-citakan.

**Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang bertuah ini.

Sesudah masuk empat hari kita membahaskan dengan hangatnya yang mana sangkaan setengah-tengah orang bahawa Rang Undang-undang ini tentulah tidak berapa banyak dibahaskan kerana adanya Kerajaan Campuran pada masa ini. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Perikatan tidak sekali-kali mengkongkong hak asasi seseorang untuk mengeluarkan pendapat-pendapat mereka asalkan jangan membahayakan masyarakat dan negara. Kalau hak-hak asasi rakyat tetap terjamin tidak semestinya gulungan Parti Pembangkang sahaja boleh mengeluarkan pendapat-pendapat mereka, tetapi teguran dan cadangan yang membina telah dapat juga dari pihak Kerajaan supaya kehidupan demokrasi kita tetap akan terjamin.

Saya mengucapkan syukur kepada Allah bahawa pucuk pemimpin parti terutama pucuk pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memandang jauh dan berusaha menubuhkan Barisan Nasional untuk mempermudah serta melicinkan kerja-kerja pembangunan ekonomi dan sosial untuk kepentingan rakyat. Inilah doa, harapan dan keyakinan Kerajaan Perikatan kita untuk memerintah.

Dalam keadaan negara kita sedang berjalan membangun dan menghadapi perubahan-perubahan, maka memanglah banyak perkara-perkara yang boleh disentuh dan diperkatakan, begitu juga harapan Kerajaan Perikatan, tetapi apa kata bidalan orang tua-tua iaitu, berapa berat mata memandang, maka beratlah lagi bahu memikul.

Saya yakin dan percaya dengan adanya penubuhan Barisan Nasional dan penyusunan semula Kabinet baharu pada hari ini akan dapat mengandungi falsafah dan rancangan untuk membentuk terhadap kemajuan, kemakmuran dan keamanan di negara kita ini.

Tuan Yang di Pertua, miski pun cukai baharu tahun ini tidak memberatkan, tetapi harga barang-barang keperluan harian terus juga naik walau tidak ada hubungan dengan cukai atau dengan perdagangan international. Perkara ini kerap kali saya memperhatikan apabila Dewan bersidang membahaskan belanjawan pada tiap-tiap tahun, nampaknya kawalan terhadap harga barang-barang tidak dapat mengatasi masalah ini. Saya

berharap supaya Kerajaan berusaha dengan sepuah daya-upaya untuk mengatasi masalah ini sebagaimana berjayanya kawalan terhadap harga padi dan beras.

Tuan Yang di Pertua, di masa kebelakangan ini negara kita nampaknya sedang menghadapi krisis moral yang mana disebutkan sebentar oleh rakan kita Yang Berhormat tadi iaitu dengan merebaknya penggunaan dadah di kalangan belia. Kita selalu mendengar tangkapan-tangkapan yang dilakukan oleh pihak polis terhadap pembawa, penyeludup, menanam ganja dan penagih yang melibatkan sebahagian besar adalah daripada gulungan belia.

Sesungguhnya jika pengaruh dadah ini dibiarkan, maka sudah tentu tidak akan dapat mengawal belia-belia kita daripada melakukan perkara-perkara jenayah yang lebih hebat lagi.

Kerajaan sekarang sedang hebat menggalakkan penyusunan semula masyarakat dan mengubah nasib rakyat di bidang kemajuan dan pembangunan. Tetapi sebaliknya penggunaan dadah dan pengaruh dadah sedang merebak di sana sini. Tidakkah Kerajaan memikirkan perkara ini satu perkara yang serious dan dianggap salah satu jalan untuk sabotaj bagi maksud cita-cita murni Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat. Bagi pandangan saya sebelum terlewat, maka ini adalah dianggap satu usaha sabersif untuk menggagalkan cita-cita Kerajaan supaya gagal dalam rancangan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di Pertua, saya tidaklah banyak menyentuh perkara-perkara lain sebabnya di dalam Dewan ini telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya dan buat akhiri perbincangan pada hari ini iaitu satu perkara lagi yang saya suka hendak menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedang menggalakkan masyarakat maju, tetapi di surat-surat khabar berita-berita nampaknya seperti berita rompak, tembak, buang anak, rogol, bunuh, tipu-menipu dan lain-lainnya lagi sering sangat dibaca di surat-surat khabar. Adakah hal-hal yang jahat ini makin menjadi-jadi di dalam negara kita? Adakah perkara ini diperbesar-besarkan, tidakkah ada modal yang lain?

Saya berharap supaya berita-berita panas ini jangan diperbesar-besarkan dan mendetailkan kesah-kesah jenayah. Eloklah dikaji semula menimbang scope dan berita-berita panas seperti ini dikurangkan agar seimbang dengan tujuan-tujuan Kerajaan, masyarakat maju dengan tuntutan-tuntutan umum. Inilah saya berharap kepada pemberita-pemberita akhbar banyak lagi perkara-perkara yang boleh kita kemukakan di dalam berita untuk mendapat publicity. Itulah ucapan saya dan saya ucapkan ber-banyak terima kasih.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya suka bercakap di Dewan yang mulai ini sepeatah dua bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini yang mana kalau kita perhatikan bahawa perbincangan-perbincangan yang dibicarakan di Dewan ialah yang kita dapat panduan dari tahun 1972 yang telah kita tinggalkan dan kita akan masuk kepada tahun 1973.

Tuan Yang di Pertua, di dalam tahun 1972 dalam tahun 1971 bagi Rancangan Malaysia Kedua ini telahpun dilancarkan dan saya percaya teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli di Dewan Rakyat ke Dewan Negara setengah-setengahnya adalah menyentuh kepada beberapa Kementerian dan juga kepada badan-badan berkanun tidak lain dan tidak bukan tujuannya ialah untuk mencari jalan dan teguran-teguran yang membina.

Saya percaya segala teguran-teguran ini tidaklah akan menjadi menyinggung kepada mana-mana pihak kerana Ahli-ahli Dewan ini juga yang menegurkan itu adalah terdapat daripada suara-suara orang ramai, ataupun suara-suara yang disuarakan oleh penduduk-penduduk di tempat masing-masing, atau pandangan-pandangan yang telah terdapat darinya sendiri, maka perkara-perkara itu dibentangkan, atau ditegurkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di Pertua, di dalam kita meninggalkan tahun 1972 ini, maka beberapa perkara yang telah berlaku yang mana menjadi sebagai satu pandangan kepada kita dan begitu juga di dalam tahun 1972 juga termasuk tahun 1973 ini pertukaran-pertukaran yang telah berlaku sedikit sebanyak

di dalam Menteri-menteri Kabinet yang mana kita tahu Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas telahpun digantikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Asri kita dan begitu jugalah kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Encik Musa Hitam, maka dengan pertukaran-pertukaran ini juga terdapat kepada kita beberapa perkara, perubahan-perubahan yang telah berlaku. Seumpama Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, yang mana mula-mula dijalankan ialah menghapuskan hutang dari Kerajaan Kelantan bersangkutan dengan tanah dan oleh yang demikian bagi Negeri Perlis bukan tidak ketinggalan berkenaan dengan bersangkutan hutang ini. Maka kita berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah ini akan dapat mengkaji dan dapat menghapuskan hutang yang tidak dapat dielakkan oleh Negeri Perlis, iaitulah hutang berkenaan tanah pinggir yang telah menjadi mala-petaka kepada Negeri Perlis, yang mana tanah itu telah terbakar dan kebun-kebunnya terbakar, maka hutang-hutang itu tertanggung kepada Kerajaan Negeri, maka kita berharaplah perkara ini dapat dihapuskan.

Begitu jugalah berkenaan dengan mala-petaka yang lain, yang terjadinya di seluruh Malaysia kita, iaitu berkenaan air bah, yang mana di Perlis juga telah terjadi di dalam bencana alam ini, tetapi yang mendukacitakan kita berkenaan kejadian itu, di Negeri Perlis ini boleh dikatakan 80% daripada penduduknya adalah terdiri daripada mata pencariannya ialah daripada perusahaan bendang, yang mana pada tahun 1972, Tuan Yang di Pertua, telah terjadilah bencana alam iaitu air bah sebanyak dua kali; di dalam bulan September dan bulan November bagi tahun 1972. Pada bulan September, pada masa itu penduduk-penduduk Negeri Perlis, yang mana berusaha dalam bendang telah pun menanam bendang-bendangnya dan manakala datang air bah, maka segala bendang-bendang itu, tananam-tanamam mereka itu telah menjadi rosak dan jahanam langsung.

Selain daripada itu, selang tidak berapa bulan, selang daripada sebulan air telah surut dan penanaman semula dijalankan oleh petani-petani ini, maka malangnya di dalam bulan November datang pula air yang sama besarnya, maka tempat-tempat yang terkena itu, beribu-ribu relung telahpun musnah. Jadi

keadaan Negeri Perlis ini, sebuah negeri yang kecil dan tidak ada perolehan-perolehan. Kadang-kadang untuk menampung gaji pegawai-pegawainya tidak mencukupi. Dengan hal keadaan yang begitu, maka dengan jadinya bencana alam, air bah, maka keadaan, bantuan-bantuan yang akan diberi kepada penanam-penanam padi ini tentulah akan meminta pertolongan daripada Kerajaan Pusat, tetapi setelah permohonan itu dibuat oleh Pejabat Pertanian Negeri untuk membantu padi-padi benih juga racun-racun serangga, sehingga ke hari ini belumlah dapat bantuan itu diberi. Jadi, inilah saya pohon merayu kepada pihak yang berkenaan supaya bantuan ini akan dapat diberi kepada negeri Perlis.

Tuan Yang di Pertua, seorang lagi Menteri yang baharu, iaitu Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, setelah masuknya beliau menjadi Menteri di situ, maka terjadilah berkenaan dengan kekurangan gula dan kenaikan harga gula, tetapi dengan kebijaksanaannya, dengan perjalanannya yang tegas, maka keadaan itu dapat dilaksanakan dan dapatlah menjadi jaminan sehinggakan Menteri itu berucap akan menjalankan sendiri dan akan menarik balik segala lesen-lesen gula yang diberi kepada tiap-tiap pemegangnya sekiranya perkara ini akan berlaku dengan seterusnya kenaikan ataupun kekurangan gula kerana gula memang cukup bagi Malaysia kita ini katanya, tetapi inilah satu permainan yang dibuat oleh pelesen-pelesen. Di dalam soal ketegasan inilah kita berharap kepada tiap-tiap Menteri, tiap-tiap Pengerusi-pengerusi Badan Berkanun dapat menjalankan ketegasan ini semuga semua cita-cita kita untuk ke arah Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dapat berjalan dengan lebih baik pada masa akan datang.

Tuan Yang di Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi bahawa di dalam Dewan ini memanglah penyentuhan-penyentuhan akan berlaku kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan atau badan-badan berkanun yang berkenaan, yang mana kita terdapat pandangan-pandangan ataupun suara-suara yang telah disuarakan oleh orang ramai. Jadi, saya lebih dahulu meminta maaf sekiranya perkara yang saya sentuh ini akan menjadi menyinggung, tetapi tidaklah bertujuan apa-apa hanya mencari jalan supaya perkara ini dapat diperbaiki.

Sebagaimana yang termaklum, telah saya terangkan tadi bahawa di Negeri Perlis 80% penduduknya ialah bertanam padi, maka saya sukalah menyentuh sedikit berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara, dengan ringkasnya L.P.N.

Pertama sekali, saya suka menyentuh berkenaan dengan pentadbiran L.P.N. di pusat, iaitu di Kuala Lumpur, berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen padi dan beras terutama sekali, sebagaimana kehendak Kerajaan hari ini, iaitu melancarkan Rancangan Ekonomi Malaysia Yang Kedua dan berkehendakkan bumiputra kita mengambil bahagian di dalamnya. Tetapi malang sungguh pada hari ini permohonan-permohonan lesen bukan sahaja Negeri Perlis, yang saya mendapat faham, bahkan seluruh Malaysia bertimbun-timbun di Pejabat L.P.N. di Kuala Lumpur yang tidak dapat diberi jawapan mulai daripada awal tahun 1972 sehingga ke hari ini. Jadi, kita tahu, terutama sekali lesen-lesen padi ini, satu lesen yang kecil dan pegawai-pegawai daripada L.P.N. ini ada di tiap-tiap buah negeri. Pada masa dahulu lesen-lesen ini dikeluarkan oleh negeri masing-masing, iaitu di Pejabat Setiausaha Kerajaan, macam di negeri Perlis, tetapi semenjak L.P.N. ini mengambil alih, maka lesen itu tidak dikeluarkan lagi di negeri masing-masing, tetapi pada pendapat saya lesen-lesen seumpama lesen padi ini, kita sudah tahu quota yang akan dikeluarkan, yang dibuat oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, daripada pusat, daripada Ketua Pengarahnya di Kuala Lumpur tentulah tahu berapa jumlah lesen yang akan dikeluarkan, samada 10 buah lesen akan dikeluarkan maka pegawai-pegawai yang ada, pegawai-pegawai L.P.N. di Negeri Perlis dapat menentukan tempat-tempat dan permohonan yang hendak diberi. Jadi, terserahlah kepada pegawai-pegawai yang ada di Negeri Perlis itu yang mudah untuk mendapatkan lesen ini, tetapi setelah sekarang ini kesemua permohonan-permohonan yang berkehendakkan kepada lesen-lesen seumpama lesen padi yang saya sebutkan tadi, terpaksa membuat permohonan melalui L.P.N. Negeri dan setelah dikaji dan disokong, maka dihantarlah permohonan itu ke Kuala Lumpur dan setelah dapat di Kuala Lumpur dan ditapis pula sekali lagi, tak tahulah tapis apa pula, sokongan yang diberi bagaimana pula tidak diketahui, maka setelah ditapis di Kuala Lumpur

menunggu pula tandatangan lesen yang sudah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sendiri. Jadi, kita tidak menafikan bahawa Ketua Pengarah ini, Ketua Pengarah Malaysia, bukan Ketua Pengarah Negeri, tentulah banyak urusan-urusan dan kerja-kerjanya yang akan dibuat. Jadi, bilakah masanya yang dapat Ketua Pengarah ini menandatangani berkenaan dengan lesen ini. Jadi dengan keadaan begitulah sebagaimana yang saya sebutkan tadi lesen-lesen itu telahpun tinggal lesen begitu sahaja sampai satu tahun, 6 bulan, 8 bulan tidak dapat dikeluarkan lesen.

Tuan Yang di Pertua, ini sungguh mendukacitakan lebih-lebih lagi umpama lesen-lesen beras yang hendak dikeluarkan ini boleh dikatakan perkara besar. Perkara inipun juga tidak dapat dikeluarkan memakan masa bertahun-tahun. Kita tahu di Lembaga Padi dan Beras Negara di Kuala Lumpur ini yang ada di Bangunan U.M.B.C. di tingkat 20 dan 21 banyak pegawai-pegawai yang di situ Penolong Pengarah Pemasaran dan berbagai-bagai lagi, mengapakah Penolong Pengarah Pemasaran atau pegawai pegawai yang ada di situ tidak diberi kuasa untuk menandatangani untuk mengeluarkan lesen-lesen itu, kesemuanya akan ditandatangani oleh Ketua Pengarah. Dengan keadaan beginilah, maka kalau sekiranya orang yang akan minta memohonkan lesen untuk menjaga beras syarat-syarat yang dikenakan terutama sekali pembayaran pendaftaran perniagaan kena diedarkan, setor-setor kena dicari tempat menyimpan beras. Jadi kalau setor-setor macam di Kuala Lumpur di tempat-tempat yang besar sehinggakan kena menyewa sampai \$200 sebulan, kalaulah sampai tujuh lapan bulan setahun lesen itu tidak boleh diberi dan jawapan juga tidak diberi samada dibenarkan ataupun tidak bagaimanakah setor-setor yang telah disewakan itu sudah makan, kalau \$200 setahun sudah menjadi \$2,400 ini yang dikehendaki. Semua persediaan itu hendak diadakan, tetapi lesennya tidak diberitahu samada diberi ataupun tidak. Jadi modal-modal yang ada sedikit sebanyak pada bumiputra ini tentulah akan habis begitu sahaja dengan pembayaran-pembayaran sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

Dengan keadaan begitulah, Tuan Yang di Pertua, saya berharap sebagaimana yang kita tahu bahawa Pengerusi Lembaga Padi dan Beras ini telah dilantik seorang tokoh. Pada

masa dahulu kita sebut tokoh bahasa, tegasnya seorang pejuang yang tidak lain dan tidak bukan ialah Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, tetapi setelah baharu-baharu ini pula di Negeri Perlis yang mana penyeludupan telah menjadi-jadi. Boleh kita mengatakan tokoh bahasa ini satu tokoh menghapuskan penyeludupan di negeri kita kerana semasa penyeludupan berlaku di Negeri Perlis dengan sewenang-wenangnya sehingga boleh dikatakan pada tahun 1971 tidak ada Kerajaan lagi di Negeri Perlis begitulah bebasnya penyeludupan berlaku di Negeri Perlis yang mana penyeludupan padi dan beras di negara tetangga kita iaitu Thailand, dengan perjalanan yang tegas daripada Pengerusi kita, maka di sini kita boleh menyebutkan seorang tokoh untuk menghapuskan penyeludupan tetapi di dalam soal pentadbiran ini pula, Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi kalau di hari ini ataupun esok Tan Sri itu melawat sendiri ke pejabatnya barangkali dua kali tinda permohonan kita berkenaan dengan lesen yang tidak berjawab daripada awal tahun sehingga ke hari ini tidak berjawab. Saya ingat keseluruhan negeri di Malaysia ini terkena, bukan Negeri Perlis sahaja.

Berkenaan dengan perkara ini, saya berharap kepada pihak yang berkenaan ini supaya dapat menyelidiki dan mengambil tahu apa perkara ini sebenarnya tidak berlaku di Pejabat L.P.N. pada hari ini di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, saya sukalah membawa sedikit sebanyak ke Negeri Perlis berkenaan dengan perkara ini iaitu selepas sahaja ditahan, ditangkap, dibuang negeri, dibuang daerah beberapa orang di Negeri Perlis maka penyeludupan ini secara kecil masih berlaku. Di dalam cara mencari jalan untuk mengatasi masalah ini telah dibuat sekatan-sekatan jalan di beberapa tempat iaitu di tempat-tempat di Kuala Perlis, di Berseri, Kodiang dan juga di Sanglang, di perenggan-perenggan semua dibuat sekatan, tetapi sekatan-sekatan ini ada, pada pandangan saya membuang masa dan membuang wang sahaja untuk penjaga-penjaga itu yang dua tempat itu dijaga dengan sepenuh masa malam dan siang—di Kuala Perlis dan di Berseri, tetapi lagi dua tempat iaitu di Perenggan Kodiang dan di Perenggan Sanglang maka dijaga pada pukul 7.00

pagi sehingga jam 6.00 petang, makanya pada malam hari bolehlah menjalankan penyeludupan ini. Di Negeri Perlis ialah perenggan dengan Negeri Thai yang berhubung dengan penyeludupan padi dan beras. Di segenap penjuru, di segenap jalan penyeludupan ini berlaku bukan sahaja di Kuala, bukan sahaja dari Jalan Padang Besar, tetapi juga dari segenap penjuru jalan dimasuki penyeludupan padi dan beras. Sebagaimana saya katakan tadi sekatan dibuat di perenggan Kedah dan Perlis itu pada siang hari sahaja lebih baiklah tidak payah diadakan, kerana ini membazirkan duit Kerajaan dan bermakna duit rakyat juga. Kalau hendak dijagakan, kalau dikatakan tidak cukup kakitangan untuk menjaga, maka lebih baik tidak payah dijaga. Ini pandangan yang saya beri kepada Lembaga Padi dan Beras Negara.

Saya sentuh sedikit lagi mengenai perbadanan ini iaitu dengan adanya kompleks-komplek padi, tempat mengering padi di dalam Negeri Perlis. Beberapa tempat telah dibuat khasnya mula-mula sekali dibuat di Arau yang mana berhampiran dengan kilang beras yang dinamakan Kilang Beras Kerajaan Arau dan di bawah pengelolaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tetapi pada hari ini terserah kepada Lembaga Padi dan Beras Negara.

Pada masa dahulu kita biasa menyentuh dalam mana kilang itu penuh dengan kakitangannya daripada bawah sehingga ke atas, daripada dreber engineer sehingga kepada managernya yang mana pada masa dahulu kilang itu tidak berjalan, cuma ada orang sahaja, kilang tak berjalan, tetapi sekarang Alhamdulillah kilang itu telah berjalan.

Yang mendukacitakan pula ada satu kompleks yang berdekatan di situ dengan kilang itu, maka kompleks ini adalah untuk membeli padi yang mana pada hari ini juga cukup kakitangan dan cukup kenderaan-kenderaan yang ada seperti lori, juga orang-orang yang akan menimbang padi iaitu kerani-keraninya cukup, tetapi manakala orang-orang di kawasan itu mengangkat padi untuk menjual yang mana kita tahu di keliling Daerah Arau itu boleh dikatakan termasuk dalam Rancangan Perairan Muda tanaman padi dua kali setahun. Kita dapati tidak dibeli di tempat itu, disuruh jual yang mana tempat-tempat yang berjauhan 7 batu daripada tempat itu semacam mana di Hutan

Aji. Ini mendukacitakan. Apakah tujuannya? Sudahlah tidak dibeli, kilang itu berjalan, padi-padi yang dibawa dari kompleks-komplek yang jauh daripada Hutan Aji ini semuanya membelanjakan yang lebih dengan mengangkut, dengan menanggungnya. Kalau begitu jauh hendak dibawa, pada hal di tempat itu boleh dibeli, tetapi tak dibeli. Kita pun tak tahu juga apakah tujuan dan maksudnya dibuat begini.

Jadi saya berharaplah kepada Badan ini supaya dapat memerhatikan di dalam beberapa perkara yang saya sebut tadi ataupun meneliti balik apakah perkara ini benar atau tidak telah berlaku ataupun dengan tidak disedari oleh Badan ini, oleh Ketua Pengarah, oleh Pengerusinya, bahawa perkara ini telah berlaku. Jadi selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, dalam memperkatakan soal ini, maka kita percayalah bagi pak-tani itu tentulah berharap dengan adanya Rancangan Perairan Muda dan penanaman dua kali setahun yang telah begitu banyak Kerajaan mencurahkan wang hingga berjuta-juta ringgit untuk meninggikan taraf petani-petani. Tetapi sehingga hari ini kita dapati cara meninggikan taraf hidup petani-petani itu tidak juga tercapai, bahkan ada daripada petani-petani pada masa ini yang sedang menjalankan penanaman dua kali itu akan meninggalkan pekerjaannya disebabkan harga perusahaan mereka itu tidak seimbang dengan harga keperluan untuk membuat pekerjaan bendang itu.

Kita yang bukan menjadi ahli bendang, yang makan gaji atau sebagainya patut mengucapkan terima kasih kepada pihak L.P.N. yang mengumumkan bahawa harga padi dan beras tidak akan dinaikkan. Tetapi apakah rasanya bagi petani-petani mendengarkan pengumuman itu. Mengapakah harga barang yang lain, barang keperluan petani tidak dapat disekat begitu juga. Barang-barang keperluan sehari-hari telah meningkat, seumpama racun-racun serangga. Pada masa dulu harga baja urea \$3.50 tetapi sekarang telah meningkat \$5.50. Harga baja campuran pada masa dulu \$2.50 sekarang \$4.50. Juga keperluan sehari-hari umpamanya gula, pada masa dahulu 25 sen sekarang 45 sen, semua melompat tetapi harga padi masih di takuk itu juga. Masih seperti harga lama itu juga. Jadi patutlah L.P.N. itu menimbangkan harga padi itu supaya seimbang dengan harga barang keperluan

sehari-hari. Saya suka mencadangkan, kalau boleh Kerajaan menetapkan harga padi itu serendah-rendahnya \$20 sepikul. Barangkali dengan harga itu dapatlah seimbang, dapatlah petani-petani menikmati sedikit hasil atas tenaga titik-peluh mereka itu. Kalau kita tengok pada hari ini Kerajaan mengatakan hendak memberikan hasil pendapatan kepada petani-petani sebanyak \$300 sebulan, tetapi sekarang bukan \$300, \$100 pun tak sampai. Barangkali dihetong panjang pendapatan petani-petani hanya setakat \$70.00 atau \$80.00 sebulan. Itulah kita dapati pemuda-pemuda kita hari ini tidak begitu gemar lagi mengikuti jejak langkah ibubapa mereka bekerja di sawah. Mereka lari mencari pekerjaan di bandar. Kalau kita tengok daftar untuk mencari pekerjaan di Pejabat Pendaftaran Pekerjaan, begitu banyak pemuda-pemuda mencari kerja, asalkan boleh dapat \$80—\$90 sebulan. Kalau satu-satu tempat ada kosong beribu-beribu pemuda yang datang meminta kerja. Sebabnya ialah kerana pendapatan yang sangat kurang dan tidak mencukupi untuk petani-petani itu hidup. Maka dengan sebab itulah, Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan supaya harga padi ini dinaikkan sekurang-kurangnya \$20 sepikul.

Tuan Yang di Pertua, saya menyentuh Kementerian Pertahanan, nampaknya peruntukan Kementerian ini juga dari setahun ke setahun semakin bertambah. Pada tahun ini tambahan itu tentulah lebih banyak lagi kerana mengadakan berbagai rancangan selaras dengan pembangunan negara kita ini mengadakan sekolah-sekolah, masjid dan bermacam-macam bangunan yang telah di buat. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan yang telah memperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan supaya melebihi peruntukannya. Bukanlah tujuan kita menyiapkan alat-alat seperti kapal-terbang ataupun kapal-laut itu untuk kita berperang, tetapi sebagai sebuah negara yang berdaulat, sudah sepatutnya alat-alat itu diadakan dengan cukup untuk mempertahankan negara kita. Dan kalau boleh oleh kerana sekeliling kita adalah penuh dengan laut, maka kapal-kapal selam juga patut dibeli.

Selain daripada itu, saya bawa pandangan kepada Negeri Perlis yang mana tugas-tugas tentera kita selalu ada satu atau dua

batalion yang bertugas di sempadan sana, yang mana di Negeri Perlis ada satu tempat dibuatkan pondok yang sebegitu lama dengan atap rembia dan zinc yang tiangnya dari kayu biasa sahaja, untuk dinamakan tempat Tentera Wataniah iaitu di Bukit Ketri. Dan di tempat itulah ditempatkan tentera-tentera yang bertugas di sempadan. Selepas bertugas, mereka balik ke situ sebagai tempat berhenti sehingga ada yang hampir setahun tinggal di situ barulah ditukar ke tempat lain. Keadaan mereka itu bila datang ke sana tentulah tidak dapat membawa anak isteri mereka yang terpaksa ditinggalkan, maka sudah sepatutnyalah bagi pihak Kementerian Pertahanan itu membuat barrack tentera yang lengkap sebagaimana yang ada di negeri-negeri lain juga patut dibuat di negeri Perlis seperti di Bukit Ketri ini dengan cukup kawasannya. Saya fikir sudah sepatutnyalah Kementerian ini membuat barrack tentera yang baik di Bukit Ketri itu untuk tentera-tentera yang bertugas di negeri Perlis itu membawa bersama-sama anak isteri mereka. Dengan keadaan yang ada itu, mereka yang bertugas di sana tidak dibenarkan membawa anak isteri mereka. Pada hal mereka tinggal di situ begitu lama, maka sudah sepatutnyalah mereka dapat membawa anak isteri mereka, kecuali bertugas di luar daripada sempadan.

Saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan Tabung Haji. Perkara ini telahpun disentuh panjang lebar oleh saudara-saudara kita, dan di sini saya suka menyentuh berkenaan dengan seruan daripada Tabung Haji bagi menambahkan lagi bilangan penyimpan-penyimpannya. Saya percaya seruan itu tidak susah sekiranya Tabung Haji itu dapat menimbang sedikit berkenaan peratus keuntungan yang diberi atas wang yang disimpan di Tabung Haji itu.

Kalau dinaikkan sedikit setakat sekarang ini setakat yang difahamkan 5% dibahagi, kalau dapat dibahagi 6% atau 6½% bererti hari ini orang-orang kita yang ada mempunyai wang simpanan kebanyakannya memerhati sahaja walaupun kepada menolong kepada bangsa, menolong itu dan ini tetapi kepada pemandangan keuntungan juga masih dipandang. Dengan kerana itulah, saya syorkan untuk menambahkan ahli kepada Tabung Haji ini ataupun menambahkan simpanan-simpanan ke Tabung Haji ini

bagi orang-orang yang ada mempunyai wang ini menaikkan sedikit keuntungan yang diberi kepada penyimpan-penyimpan wang Tabung Haji ini.

Dan selain daripada itu, saya suka sentuh berkenaan dengan keadaan semasa kapal Haji di pelabuhan-pelabuhan semacam mana di Pulau Pinang, kita tahu adat daripada dahulu sampai sekarang, kalau kita perhatikan semasa kapal haji hendak belayar ataupun kapal haji balik, penuh sesak yang mana semasa kapal haji itu sampai sehinggakan jemaah-jemaah haji tidak dapat turun daripada kapal. Kalau turun pun kadangkadangnya anak hilang, isteri hilang kerana berkumpul banyaknya naik turun orang-orang yang menyambut Jemaah-jemaah Haji. Kalaulah dapat perkara ini diatasi dengan cara tidak dibenarkan kesemua orang yang akan menyambut saudara-saudaranya balik daripada dengan kapal haji itu hampir ke dalam kawasan itu, hanya tunggu di luar selepas Jemaah-jemaah Haji ini turun, baharu dibenarkan masuk mengikut pas-pas yang diberi. Dengan cara begitu, saya fikir, tidaklah begitu sesak semasa Jemaah-jemaah Haji itu sampai hendak turun daripada kapalnya, daripada kapal haji itu.

Yang keduanya, berkenaan kematian di dalam pelayaran. Baharu-baharu ini terdapatlah mereka iaitu Jemaah Haji daripada Negeri Perlis yang mana empat hari lagi kapal akan rapat, atau akan sampai, maka salah seorang daripada Jemaah Haji telah meninggal dunia di atas kapal itu tetapi kematian itu tidak pula diberitahu kepada sanak-saudaranya, saudara-saudara dia, pada hal benda ini boleh dapat diberikan oleh kapal melalui saluran-saluran tertentu dan pihak tertentu pula boleh menyampaikan perkhabaran itu kepada saudara-saudaranya, kepada anak-bini, kepada saudaranya tetapi malangnya pada masa yang lalu kapal yang baharu-baharu ini, sehinggakan anak dan isterinya datang ke kapal untuk menyambut bapanya, mengatakan bapanya telah meninggal dunia. Setelah sampai di situ, sampai di kapal baharu dapat tahu dia mati. Jadi kita berharaplah dalam perkara ini bagi pihak Tabung Haji akan dapat membuat hubungan ataupun mengatasi masalah-masalah yang bersangkutan dengan perkara-perkara yang mendukacitakan Jemaah-jemaah Haji ini.

Selain daripada itu, berkenaan dengan Tabung Haji ini juga yang telahpun disentuh kelmarin perkara yang patut dibuat perubahan dan penerangan-penerangan yang luas kepada mereka-mereka yang akan menunaikan fardu Haji, yang mana perbekalan-perbekalan yang telah disebutkan oleh salah seorang daripada Ahli Dewan ini, ini penerangan hendaklah dengan cukup, sebab kalau tidak cukup penerangan, maka keadaan kepercayaan itu tidak ada juga kepada orang kita untuk membekal, membawa bekalan-bekalan yang lebih semasa menunaikan fardu Haji. Itulah menjadi kalam-kabut terutama semasa balik semasa menyambut kerana sanak saudara ini akan menyambut selain daripada hendak utamakan berjumpa dengan Jemaah-jemaah Haji sebelum jejak ke tanahairnya sendiri, hendak berjumpa atas kapal, maka selain daripada itu akan mengambil barang-barang yang telah diturunkan itu. Jadi terlampau banyak barang-barang ini adalah disebabkan penerangan-penerangan daripada Tabung Haji ini kurang. Mengatakan serba-serbi di Mekah itu telah cukup, telah ada, hanya membawa wang, maka kesemuanya terdapat. Jadi dengan kerana itulah kita berharap kepada Tabung Haji ini akan dapat memberi penerangan-penerangan dan menyelidiki balik perkara-perkara yang ada bersangkutan dengan Tabung Haji ini.

Lagi seperkara yang saya suka sentuh ialah berkenaan dengan Instituti Teknologi MARA. Penuntut-penuntut MARA, yang mana penuntut-penuntut MARA ini terutama sekali berkenaan dengan perjanjian masa hendak masuk menuntut. Kebanyakan penuntut-penuntut MARA ini diberi keistimewaan iaitu satu perjanjian yang setengahnya kena belajar enam tahun, empat tahun, tiga tahun dan perjanjian-perjanjian itu dibuat, barangkali saya pun tidak begitu faham, ada daripada perjanjian itu tidak begitu konkerit. Jadi tidaklah terikat penuntut itu dengan MARA yang mana kita tahu penuntut-penuntut ini datang daripada luar bandar, manakala datang ke bandar setelah mendapat, setelah belajar yang mana setengah penuntut itu sehingga enam tahun kena belajar, setelah belajar selama dua tahun dan telahpun diberi untuk menjawatkan jawatan yang lumayan sedikit, maka penuntut-penuntut ini dengan sendirinya telah berhenti daripada sekolah itu pergi

bekerja dengan tidak menghabiskan pelajarannya. Dengan kerana itu, menjadi satu kerugian kepada pihak Kerajaan yang berharap-harapkan kepada penuntut-penuntut itu tadi tetapi hanya dalam masa yang singkat penuntut itu belajar, maka penuntut itu telah meninggalkan tempat dia belajar dan telah pergi bekerja. Kalaulah dikedat sedikit tentang perjanjian itu, umpamanya kena dibayar balik sekiranya hendak berhenti, sekiranya belum sampai tempohnya dia berhenti, maka kena bayar balik segala wang-wang itu, maka dengan cara ketat ini sedikit barangkali penuntut ini tidak meninggalkan.

Yang keduanya, saya suka sentuh, walaupun perkara ini perkara kecil iaitulah berkenaan dengan pakaian-pakaian penuntut semasa luar daripada menuntut, atau keadaan-keadaan penuntut. Adalah kalau kita perhatikan pada hari ini kerana penuntut-penuntut ini datang sebagai saya sebutkan tadi daripada luar-luar bandar dan datang ke sini selepas daripada habis peperiksaan S.P.M. atau L.C.E. masuk MARA jadi dengan tidak tahu mana-mana telah masuk ke MARA tentulah akan mengikuti apa yang ada pandangan kepada kawan-kawannya. Jadi kadang-kadang kita tengok penuntut-penuntut ini melebihi daripada yang lain manakala mereka balik ke kampung nanti, kata ibu bapanya bukan sebagai seorang penuntut, sebagai seorang pelakun wayang. Dengan berambut panjangnya, dengan keadaannya, jadi inilah kita berharap kepada Pengelola MARA ini dapat menguatkuasakan sedikit di dalam tatatertib di sekolah itu. Saya percayalah bagi pihak penuntut ini tidak akan membuat satu perkara yang ditegaskan oleh sekolah itu. Jadi dengan sebab perkara ini tidak terdapat dan kita perhatikan penuntut-penuntut MARA ini lebih daripada penuntut-penuntut universiti, jadi dengan keadaan begitu, keadaan mereka berambut panjang dan dengan pakaiannya.

Setakat itulah pandangan saya dalam soal ini. Dan selain daripada itu juga berkenaan dengan penuntut-penuntut universiti yang bersangkutan dengan tempat tinggal mereka seperti asrama, kerana penuntut-penuntut universiti ini berkenaan tempat tinggal mereka adalah kita mendukacitakan. Sepatutnya pihak Kerajaan mengambil perhatian kerana penuntut-penuntut ini bila

datang ke Kuala Lumpur tidak mendapatkan tempat kerananya tidak cukup, maka terpaksa penuntut-penuntut itu menyewa di luar.

Dengan keadaan sewa di luar ini bermacam-macam keadaan berlaku kerana tentulah pihak-pihak yang memberi sewa rumah-rumah itu yang berhampiran dengan sekolah mereka, dengan universiti itu, akan menaikkan harga-harga tempat tinggal mereka. Jadi tentulah menyusahkan kepada penuntut-penuntut yang mana datang ke universiti. Kita berharaplah kepada Kerajaan supaya dapat menyediakan tempat yang cukup ataupun mencari jalan bagaimana yang kita tahu penuntut-penuntut itu yang akan datang berapa banyak dan tempat-tempat yang dapat disediakan walaupun dengan cara menyewa begitu dapat diusahakan oleh pihak yang berkenaan.

Satu perkara lagi, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana baharu-baharu ini tangkapan-tangkapan, tahanan-tahanan di Negeri Perlis telahpun ditangkap beberapa orang bersangkutan dengan beberapa perkara dan pada hari ini tangkapan-tangkapan ini tidak dibicarakan dan seterusnya dibuangkan daerah ataupun buang negeri. Saya rasa di dalam tahanan-tahanan ini kalau dapat biarlah dapat dipercepatkan untuk ditahan orang-orang ini di dalam jel. Janganlah memakan masa begitu panjang. Kalaulah sudah ditahan untuk dibuang daerah ataupun dibuang negeri, ditahan orang ini sehingga tiga atau empat bulan di dalam jel. Kalau sudah tentu orang tahanan ini akan dibuang, dibuanglah dengan seberapa segeranya.

Yang keduanya, di dalam masa tahanan-tahanan itu di dalam jel, boleh dikatakan orang-orang ini ditahan di dalam jel belum tahu lagi salah atau tidak ditahan kerana menunggu keputusan samada dibuang daerah ataupun bagaimana kedudukan orang ini kerana tidak dibicarakan, maka orang-orang ini terpaksa memakai pakaian-pakaian yang sama orang-orang salah yang tinggal di dalam jel. Saya merayulah dalam perkara ini kalau boleh di dalam masa ditahan di dalam jel ini, orang-orang ini dapat memakai pakaian biasanya kerana mereka belum tahu lagi samada salah ataupun tidak, cuma ditahan buat sementara menunggu keputusannya samada salah ataupun tidak kerana perkara ini tidak dibicarakan buat masa ini.

Di dalam Kementerian Kesihatan, saya membawa juga ke negeri saya iaitu Negeri Perlis berkenaan dengan pembinaan pusat-pusat kesihatan ini memang akan dikaji untuk dibuat pusat-pusat kesihatan atau diperbesar di satu-satu tempat itu dikaji kepada penduduk dikaji kepada keadaan tempat. Tetapi bagi di Negeri Perlis, tempatnya iaitu di Arau tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Negeri Perlis ada di sebuah pusat kesihatan yang telah dibuat dari dahulu lagi yang sudah beberapa puluh tahun pusat itu pada masa sekarang ini jika dilawat ke sana, maka didapati orang-orang datang ke pusat kesihatan itu penuh sesak setiap masa duduk di padang, duduk di atas-atas batas kerana pusat itu terlampau kecil. Maka sudah sampai masanya pusat kesihatan di Arau itu diperbesar yang akan mencukupi kepada orang-orang yang datang ke tempat itu. Ini bolehlah Menteri Kesihatan sendiri menyasat ataupun datang sendiri pada hari-hari yang tertentu terutamanya pada hari Sabtu, hari Isnin, hari Rabu, tiap-tiap hari tertentu, maka penuh sesak di dalam kawasan itu orang-orang menunggu untuk mengambil ubat di tempat itu. Tetapi malangnya tempat itu satu daripada yang macam di Perlis ialah bagi sebuah bandar yang kedua di Negeri Perlis dan tempat tinggal D.Y.M.M. Raja Perlis. Tetapi mengapa pemerhatian di dalam soal ini masih ketinggalan? Jadi kita berharaplah kepada Kementerian Kesihatan akan dapat memberi perhatian di dalam soal ini.

Lagi satu sangkut saya berkenaan dengan Jabatan Talikom. Berkenaan dengan talipon-talipon kita ini, saya tidak tahulah di tempat lain tetapi bagi Negeri Perlis untuk bercakap keluar negeri sungguh mendukacitakan memakan masa yang begitu lama, terpaksa satu jam, tengah dua jam, kadang-kadang dua jam. Di mana juga kita bercakap, kadang-kadang kita menjadi harian di Pejabat Setiausaha Kerajaan, di Pejabat Menteri Besar, selalunya selain daripada di rumah yang kita mendapat faham susah mendapat. Pada hal kita pada hari ini memasang talipon yang moden tetapi semakin moden semakin susah. Jadi kita berharap kepada pihak berkenaan supaya mengambil perhatian apakah, di manakah salahnya kedudukan dalam soal ini. Dan keduanya baharu-baharu ini talipon itu tidak boleh dipakai selama tiga hari disebabkan diper-

baiki, bukanlah sebab dengan kerana kerosakan yang tidak dapat dielakkan atau macam mana banjirkah, pokok tumbangkah tidaklah kita menyalahkan, tetapi hendak diperbaiki. Sepatutnyalah memberi notis dahulu kerana dengan talipon ini juga banyak hubungan-hubungannya bagi pihak-pihak Kerajaan, bagi pihak-pihak peniaga dengan talipon. Tetapi dengan tidak semena-mena, dengan tidak diketahui, hanya mengatakan talipon itu telahpun diperbaiki. Bila di talipon, tidak ada, kena ditanya di tempat yang lain, di tempat yang luar pula baharu kita mendapat tahu bahawa talipon itu sudahpun diperbaiki. Itu memakan masa pula sampai tiga hari, bukanlah hendak diperbaiki sehari ataupun sejam ataupun dua jam, memakan masa sampai tiga hari. Jadi dengan keadaan begini, kita berharaplah pihak yang berkenaan ini supaya dapat memberitahu dalam soal-soal dan menyasat balik mengapakah talipon di Negeri Perlis ini susah sangat pada hari ini kalau hendak bercakap keluar.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit di dalam Persiaran Muda iaitu Persatuan Peladang yang ada yang mana Persatuan Peladang ini macam di Negeri Perlis dalam Perairan Muda ini bertujuan ialah untuk menunjuk ajar kepada peladang-peladang kita menggunakan jentera-jentera moden dan sebagainya dan Kerajaan juga menyalurkan berbagai-bagai bantuan melalui persatuan ini pada masa sekarang. Tetapi di dalam persatuan ini kekurangan daripada Juru-juruteknik Pertanian Muda, daripada Penolong Pertanian Muda. Memang banyak kekurangan, tidak ada orang yang menjalankan tugas-tugas ini. Jadi kita berharap kepada pihak Kementerian ini supaya dengan segeranya menambahkan orang-orang ini untuk mencukupi dan dapat menampung perjalanan-perjalanan persatuan peladang ini yang mana persatuan-persatuan peladang ini daripada Pembantu Pertanian Muda dan Juru-juruteknik Muda inilah yang mengawasi bersama untuk melicinkan perjalanan persatuan peladang.

Kalaulah kekurangan ini dari setahun ke setahun kita menangguhkan, maka Rancangan Malaysia Kedua yang telah berjalan dari tahun 1971, 1972 ini sudah masuk tahun 1973 masih kekurangan itu, masih kekurangan ini perkara-perkara menambahkan

ini juga kekurangan, jadi bilakah masanya Rancangan Malaysia Kedua ini akan dapat berjalan dengan secukupnya.

Di dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua ini kita telah berjalan termasuk tahun ketiga masih banyak lagi kekurangan. Kita berharaplah kepada pihak-pihak yang berkenaan terutama kepada pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya dapat menambahkan orang-orang ini dengan secukupnya supaya perjalanan persatuan peladang itu dijalankan dengan baik.

Seperkara lagi sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Pertanian dan Perikanan di dalam mesyuarat agong bahawa Penolong Pertanian Muda baharu-baharu ini yang mana kenaikan gaji yang akan dinaikkan kepada Penolong Pertanian Muda telahpun diputuskan pada tahun 1972 iaitu Menteri sendiri telah mengisytiharkan kenaikan itu akan dapat dengan seberapa segeranya iaitu pada masa dahulu Penolong Pertanian Muda ini dapat \$450 dan akan ditambah lagi \$250 menjadi \$700 pada sebulan dan telah diumumkan pada tahun 1972 hingga hari ini segala apa yang telah diputuskan, yang telah diumumkan itu setakat yang saya faham belumlah didapati lagi, maka perkara ini juga kita berharap kepada pihak Kementerian yang mengumumkan itu supaya ianya dirasai ataupun dinikmati bagi pihak yang menunggunya.

Dan begitu jugalah di dalam Mesyuarat Agong Persatuan-persatuan Peladang Kebangsaan baharu-baharu ini yang mana Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah menyatakan bahawa telah sampai masanya kerana hari-hari yang lain telahpun ada iaitu sebagaimana Hari Buruh, Hari Kanak-kanak, Hari Wanita, maka Hari Peladang pun patut diadakan, dan ditetapkan satu Hari Peladang, jadi perasaan peladang-peladang mengatakan bahawa kepada mereka juga dipandang dan diperhatikan oleh pihak Kerajaan. Maka saya juga cadangkan Hari Peladang ini patut diadakan satu hari, hari peladang.

Akhirnya, suka saya bercakap berkenaan dengan keadaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana Suruhanjaya ini bagi Negeri-negeri yang lain telahpun ada dengan sendirinya, tetapi bagi Negeri Perlis tidaklah ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan kalau hendak diadakan pun

tentulah memakan belanja yang banyak, yang mana diadakan Pengerusinya, Jawatankuasanya. Walaumacam manapun, saya berharap bagi pihak Kerajaan patutlah Negeri Perlis diadakan juga walaupun dengan perbelanjaan yang banyak, tetapi sungguhpun begitu maka buat masa ini kiranya tidak dapat diberi, maka saya berharap kepada pihak yang berkenaan iaitu dalam Bahagian III dan IV dapat diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Sebab-sebabnya saya minta kepada pihak yang berkenaan supaya Bahagian III dan IV dalam memilih jawatan III dan IV ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri, kerana banyak perkara-perkara yang kita hendak bincangkan, apakah sebabnya di dalam bahagian ini diminta diawasi oleh Kerajaan Negeri. Tidaklah payah bagi saya menyebutkan hanya sebagaimana kehendak-kehendak yang telah disuarakan dari pihak-pihak yang berkenaan dengan Negeri bahawa perkara ini juga patut diadakan di Negeri Perlis, setidak-tidaknya pun dapat ditimbang di dalam bahagian III dan IV ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap sepatah dua di dalam Dewan yang mulia ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 ini.

**Tuan Yang di Pertua:** Mesyuarat ini ditangguhkan selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.40 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

**Datuk Chong Foo Khin:** Tuan Yang di Pertua, saya mengambil peluang bercakap pada hari ini adalah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 yang sedang kita bahaskan.

Saya suka menarik perhatian Kerajaan dan pihak Kementerian yang berkenaan supaya tindakan dapat diambil dengan secepat mungkin. Dari pengalaman saya peraturan membuang daerah seseorang yang disyaki jahat dari satu daerah ke daerah yang lain atau dari satu negeri ke negeri

yang lain patutlah diberhentikan kerana mereka yang dibuang daerah atau negeri itu biasanya menjadi guru kepada orang-orang tempatan di situ, sebab itu perkara jenayah bertambah-tambah dari semasa ke semasa. Saya fikir baik mereka itu diletakkan ke tempat atau dalam satu rancangan tanah dan diberi kerja, dengan ini mereka tiada sempat mengajarkan kelakuan jahat itu kepada orang lain. Jika perkara ini lambat diubah, saya takut perkara-perkara yang tidak diinginkan bertambah-tambah dengan pesatnya.

Perkara kedua, saya suka menarik perhatian Kementerian Kesihatan. Saya faham air yang dibekalkan kepada rakyat dicampurkan ubat klorin bagi membunuh kuman-kuman dalam air itu. Klorin itu sangat kuat baunya, bila kita minum air itu seperti kita minum ubat. Saya tahu bagi menghilangkan bau busuk air itu bolehlah dicampurkan dengan karbon yang dibuat dari charcoal dengan ini baharulah rakyat merasa senang hati dapat menggunakan air yang sedap dan baik. Walaupun perkara ini kecil, tetapi alang-alang kita mandi, biarlah sampai basah, alang-alang kita buat baik, biarlah baik sekali. Perkara ini, saya pernah ditanya oleh pelancung luar negeri mengapa air itu berbau. Kemudian dia menerangkan bagaimana mengatasi perkara ini.

Tuan Yang di Pertua, inilah sahaja dua perkara yang dapat saya sampaikan pada hari ini.

**Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali:** Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana dapat peluang bercakap pada hari ini dan sebagai seorang daripada Ahli Dewan ini berasa bangga untuk menyokong Perbelanjaan Tahun 1973 yang ada di hadapan kita hari ini.

Saya tidak bercakap banyak, cuma tiga empat perkara sahaja.

Perkara yang pertama, ialah berkenaan dengan hal saya sendiri yang mewakili Orang Asli dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di Pertua, saya sudah menjadi Ahli di dalam kedua-dua buah Dewan ini hampir 20 tahun. Apabila pekerjaan seseorang wakil yang 20 tahun lamanya banyak kesan-kesan yang mendatang, tetapi malangnya bagi pihak Orang Asli di Tanah Melayu ini tidak begitu banyak cuma 50,000 orang sahaja penduduknya. Jadi kalau

bermakna 50,000 orang sangat senang bagi Kerajaan melayan ataupun mengubahkan cara-cara hidup mereka ini, tetapi malangnya sampai pada hari ini, saya tengok sangat menyedihkan, menyusahkan. Peruntukan diberi oleh Kerajaan kita bertambah dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di Pertua, di pejabat yang mewakili Pusat ini, seumpama Perak, Pahang, Johor, Trengganu dan sebagainya, saya ambil satu tempat sahaja iaitu di tempat saya di mana penduduknya tak ramai cuma tiga-empat ribu orang sahaja, kalau membeli barang-barang pergi ke bandar Sungai Siput. Kawasan yang mendapat perhatian di situ cuma satu tempat sahaja, di tempat lain ada lebih kurang tiga empat ratus keluarga sahaja. Jadi kalau ada bantuan, kalau ada rancangan dari pihak Kerajaan, cuma untuk tiga-empat ratus orang, maka yang lain masih menunggu-nunggu, menangis minta perubahan sejak dahulu sehingga masa sekarang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya berharap Ketua Jabatan Orang Asli, Negeri Perak, patutlah berunding dengan Kerajaan Tempatan untuk bertanya atau memohon apa yang dikehendaki oleh rakyat di situ seumpama tanah dan bantuan yang lain untuk mendatangkan kebaikan bagi Orang Asli di situ. Tetapi saya dapat tahu masa dahulu lagi pegawai ini datang ke Perak, dia kurang sangat bercampur dengan pegawai-pegawai tempatan yang lain. Malahan baru-baru ini adanya darurat yang kedua telah sampai, maka ada dibincangkan dengan pihak Keselamatan Dalam Negeri, barulah dia berunding dengan Jawatankuasa yang tersebut itu dengan mengadakan perjumpaan dan ceramah. Kalau begitu pun baiklah. Walaupun dia ada berjumpa, itulah yang menimbulkan perasaan tidak puas hati saya, kerana kesulitan Orang Asli di masa sekarang sangat banyak. Tetapi kalau ditengok ke dalam Bilik Gerakan yang berkenaan, alangkah bagusnyanya. Tuan Yang di Pertua, buka papan hitam di situ nampak semua sudah siap. Apabila ditanya oleh Menteri mengenai rancangan-rancangan yang telah dibuat, pegawai menjawab, "Tan Sri, ini rancangan sudah dibuat, ini sedang dirancangan." Begitulah sedap bunyinya. Tetapi saya katakan di sini, kalau tak percaya marilah kita pergi tengok ke tempat

saya di Sungai Siput di mana lebih kurang 20 tempat telah terbiar begitu sahaja, cuma satu tempat sahaja yang mendapat bantuan.

Ahli Yang Berhormat sahabat saya Tuan Ibrahim Yaakub sudahpun bercerita kelmarin, katanya dia hendak tunggu sedikit masa lagi untuk menengok kawasan dia di sana apa rancangan yang sudah dibuat. Kalau saya seorang sahaja bercakap barangkali tak ada pertimbangan. Sekarang ini sudah ada dua orang dalam Dewan ini yang menyentuh perkara ini. Saya harap Kerajaan khususnya Menteri yang berkenaan menyasiat dengan sebaik-baiknya supaya Orang Asli dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan kepada mereka, hak mereka supaya jangan terbiar sahaja atau terbuang sahaja. Kalau dilambat-lambatkan lagi oleh Pegawai Orang Asli ini untuk mengambil tindakan dan oleh kerana Pegawai Orang Asli itu hanya berhubung dengan Pesuruhjaya Tanah Tempatan sahaja, jadi saya takut oleh kerana belia-belia sekarang ini berunding terus dengan Kerajaan Pusat untuk mengambil tempat di mana yang dikehendaki, dia ambil dan disapu habis. Ketua Pejabat Orang Asli cuma minta sana sedikit, sini sedikit, barangkali sekarang tak diketahui lagi tempat itu sudah dilingkungi oleh rancangan belia. Jadi apabila telah jadi rancangan belia, habislah peluang untuk orang lain, dia sahaja yang berkuasa.

Tuan Yang di Pertua, saya tahu suatu kejadian di masa Allah-yarham Datuk Lokman menjadi Pesuruhjaya Tanah, kami ada melawat sampai ke Pahang, sampai ke Lembah Bilit. Apabila sampai ke sana, banyaklah orang-orang kampung itu minta tolong, janganlah kawasan mereka itu dimasukkan dalam kawasan rancangan belia. Dia jawab tak boleh, kerana dia sudah buat pelan, rancangan sudah siap di Kuala Lumpur, dia tak boleh buat apa-apa lagi. Kalau mereka mahu, terpaksa mereka memohon tempat yang lain. Mereka itu menangislah. Saya takut perkara ini begitu juga, peluang bagi Orang Asli, kalau dilambat-lambatkan sesuatu rancangan dijalankan, akan terlepas begitu juga. Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, bersangkutan dengan Pegawai Hutan. Di Negeri Perak, lain daripada Johor dan Pahang, saya dapat tahu di Perak kononnya ada memiliki "Daftar Cap Tukul Besi".

Siapa yang hendak berusaha di kawasan hutan, dia mesti ada mendaftarkan nama dia dengan cap tukul besi nombor sekian-sekian. Macam saya dapat No. 524. Kalau tidak dapat cap itu, kita memohon hendak berusaha mengambil kayu balak ditolak sama sekali.

Yang anihnya, kami ada mempunyai 400-500 kad atau cap tukul besi itu, setengahnya sampai hari ini sudah 10 tahun belum dapat satu tempat. Apakah maknanya macam itu? Walhasil hamba Allah itu pun membayar \$25 setahun, jadi 10 tahun sudah \$250, tetapi tidakkah Kerajaan berfikir, kasihan kepada orang yang miskin hingga tak dapat peluang sekalipun peruntukan hutan.

Lagi satu, Tuan Yang di Pertua, malangnya apabila dikemukakan kepada pihak Kerajaan ataupun Pegawai Hutan Negeri, buat permohonan, dia kata dalam jawapannya: "Surat tuan bertarikh sekian haribulan selamat sampai, tetapi dukacita tempat itu tidak dapat dikeluarkan." Yang bagus lagi pula bunyinya, apabila dikeluarkan kawasan itu tidaklah diberi kepada kita, dia terus beri kepada orang lain pula. Pada mulanya Pegawai itu berjanji, apabila dikeluarkan nanti, saya akan memanggil tuan-tuan untuk tender atau sebagainya. Walhasil akhirnya tak ada diberi langsung. Jadi itulah nasib orang-orang yang berdaftar cap tukul besi tadi, fikiran mereka sangatlah susah sebab tak dapat langsung sampai sekarang. Setengahnya daftar itu dia lepas begitu sahaja, mati begitu sahaja, tak dibayar lesen. Boleh jadi apabila hendak dibayar, dia tak ada duit. Terpaksa pinjam kepada Tan Sri Peguam Negara kita. "Tan Sri, tolong pinjamkan \$25, saya hendak bayar Cap Tukul Besi." Tan Sri beri pinjam, oleh kerana dikatakan barangkali saya hendak membuat permohonan kerana sudah lepas satu tahun. Pada tahun yang berikutnya, apabila minta pinjam lagi, Tan Sri kata, "Eh, mana duit dulu itu tak dibayar lagi?" "Saya tak dapat bayar lagi, Tan Sri, walaupun saya sudah membuat permohonan. "Ini dia salinan surat saya". Ya, begitulah setahun demi setahun, lepas begitu sahaja, sampai dia pun malu hendak berjumpa Tan Sri. Senyap begitu sahaja. Kalau ditanya hutangnya, mereka senang sahaja menjawab: "Saya tak dapat langsung kawasan kayu balak, Tan Sri. Kalau begitu, baik saya biarkan mati permit saya".

di daerah itu—daerah yang saya katakan tadi akan turun balik ke Kuala Lumpur dan ke Pelabuhan Kelang.

Saya berasa serba salah atau berasa curiga kalau hasil ini sampai ke Kelang, sebab Kelang pun negara saya. Tetapi apa yang kita kehendaki sekarang supaya ada jaminan perimbangan pelabuhan ini akan menjadi pelabuhan yang besar untuk pengantaran segala barang-barang kita ke Indo-Cina, ke Sabah, Sarawak juga ke Thailand ataupun Hongkong. Jadi untuk menyamakan keadaan satu pembaharuan mesti dilakukan.

Saya tidak dengar daripada apa yang dikatakan sekarang ini samada tidak rasmi atau rasmi rancangan hendak mengadakan landasan keretapi, pembaharuan keretapi yang lain daripada yang saya serahkan ini telah dikeluarkan oleh Kementerian Perhubungan atau Jabatan Keretapi Tanah Melayu, saya rasa, perlu dikaji semula. Kalau sekiranya kita cuma sekarang ini ada 647 hari sahaja lagi, masa dalam rancangan yang kedua ini, 647 hari sahaja termasuk hari ini, baki hari dalam rancangan Malaysia Yang Kedua, apa salahnya perkara ini diumumkan, dikaji untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Maka melalui Dewan ini, saya memohon Kerajaan akan menimbangkan saranan yang saya lakukan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, ialah mengenai Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Pada masa ini boleh dikatakan jalanraya di Malaysia ialah jalanraya yang baik di Tenggara Asia ini. Bila dibandingkan dengan jalan-jalan dengan negara-negara jiran kita Indonesia atau Thailand sendiri atau lain-lain, jalanraya di negara kita bolehlah dikatakan baik. Tetapi perkara yang penting saya hendak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini ialah masalah ada hubungannya dengan Dasar Ekonomi Baharu. Kebanyakan bas-bas baharu menggunakan jalan-jalan yang baharu dibuka, mengikut dasar Kerajaan sekarang banyak diberikan kepada syarikat bumiputra, melalui jalan yang kurang baik. Pada tiap-tiap tahun akhirnya syarikat bumiputra menghadapi kerugian, mengadu kepada pihak MARA minta bantuan, MARA terpaksa melindungi syarikat bumiputra dengan syarat akan dipulangkan balik kepada bumiputra. Sebab-sebab kerugian-kerugian itu ialah disebabkan kerusakan dan keburukan jalan di luar bandar.

Pada satu ketika Jabatan Kerja Raya mengatakan kurang batu, kerana hendak membaiki jalan-jalan di luar-luar bandar dalam Negeri Pahang dalam satu majlis Taklimat dalam Bilik Gerakan Negeri di Kuantan, tetapi sebenarnya batu tidak kekurangan dalam negara kita, cuma mesin atau jentera yang memamah batu-batu itu kurang, jadi outputnya tentulah pula kurang. Kalau sekiranya Kementerian Kerja Raya dan Tenaga boleh mengkaji masalah menambah jentera menghancurkan batu ini supaya diperbanyakkan di satu-satu tempat, jadi pengeluaran batu lebih boleh didapati. Saya rasa jalanraya kita boleh dibaiki dengan jalan itu tidaklah syarikat-syarikat bumiputra menepuh kerugian pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya, ada satu perkara lagi yang saya hendak kemukakan kepada Majlis yang mulia ini ialah masalah hippies yang berambut panjang. Kita telah pun menegah hipi-hipi daripada luar negeri masuk ke dalam negeri kita ini dengan keadaan berambut panjang. Kita telah menafsirkan keadaan hipi dan Jabatan Penerangan sendiri pun tidak membenarkan orang yang berambut panjang bertemu-cara dalam Talivisyen atau membuat sebarang rakaman suara dengan R.T.M. atau Talivisyen. Hal ini memberi usaha yang baik dan tafsiran hipi pun telah dapat diketahui oleh Kerajaan, oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekarang ini di dalam negeri kita Undang-undang itu cuma terlibat kepada pelancung-pelancung yang datang ke dalam negeri kita, tetapi tidak mengenakan Undang-undang itu kepada rakyat dalam negeri kita. Jadi tentulah maknanya ketiada-adilan kita jika berat sebelah. Kita menahan pelancung dari luar negeri berambut panjang, tetapi kita membenarkan, dan tidak ada apa-apa halangan kepada orang dalam negeri ini. Untuk kehidupan dan kebahagiaan kita pada masa akan datang kita menghendaki lelaki negara kita sekarang ini dalam keadaan rumaja, sihat dan cantik. Dan inilah pusaka ketinggian peribadi negara kita iaitu kita rakyat mempunyai peradapan tinggi budi bahasa, sopan santun dan kita tidak meniru seluruh kebudayaan kuning. Jika kita dapat mengekalkan peraturan ini, saya rasa negara kita mempunyai kebudayaan dan sopan-santun yang sangat dihormati.

Had inilah sahaja, Tuan Yang di Pertua, kerana saya hendak memberi peluang kepada sahabat saya yang lain, jika saya hendak bercakap lagi, saya masih ada lima perkara lagi yang hendak saya cakapkan, tetapi memadailah setakat ini.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap sepatutnya dua di dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama memberi pandangan dalam Rang Undang-undang Perbekalan, 1973.

Tuan Yang di Pertua, saya bercakap pendek, dan seberapa ringkas dalam dua tiga perkara sahaja, berkaitan dengan Kementerian Pelajaran.

Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah berkenaan Lembaga Pengurus sekolah-sekolah di Masjid Tanah, Melaka, samada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah, iaitu: Sekolah Menengah Abdul Ghafar Baba dan Sekolah Menengah Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, kalau sekiranya dapat Menteri Pelajaran mengadakan guru-guru yang cukup sebagai persediaan sebelumnya dibuka sekolah-sekolah tersebut daripada penggal satu, dan semua guru-guru, itu hendaklah dilengkapi mengikut aliran-aliran mata pelajaran yang dikehendaki. Tuan Yang di Pertua, apa yang mendukacitakan saya sendiri sebagai pengerusi bagi sekolah yang tersebut, iaitu dari awal penggal yang pertama hingga akhirnya guru yang mengajar ilmu sains yang sepatutnya telah mengajar, awal-awal lagi, tetapi, masih belum sampai lagi untuk bertugas di sekolah tersebut, yang mana menghampakan murid-murid. Bila saya tanya Pengetua sekolah itu, manakah guru yang berkenaan, beliau menjelaskan, Ketua Pegawai Pelajaran Negeri, Melaka, menegaskan bahawa, "guru ini akan tiba tidak berapa hari lagi". Yang anihnya tidak berapa hari lagi pada masa itu, sudah hampir tiba kepada penggal yang kedua. Dengan hal demikian, betapa risaunya penuntut di sekolah itu dan menimbulkan kerunsingan-kerunsingan kepada ibu bapa yang betul-betul menyahut seruan daripada Kerajaan kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di Pertua, dalam hal ini, alangkah eloknya sekiranya pihak Pejabat Pelajaran Negeri dapat sediakan guru yang

semestinya itu dari awal lagi di sekolah-sekolah tersebut, supaya murid-murid itu tidak ketinggalan dan gagal di mata pelajaran yang penting itu, cuma inilah yang dapat saya sampaikan kepada Majlis ini juga Menteri Pelajaran agar dapat mengambil perhatian dan tindakan yang tegas dalam hal ini.

Tuan Yang di Pertua, dalam bahagian buku-buku teks, di sekolah-sekolah pihak Kerajaan ada menegaskan, buku-buku teks itu, ada yang setengahnya diberi dengan percuma dan ada setengahnya hendaklah diberi oleh murid-murid sekolah. Tetapi, malangnya, ada ibu bapa yang hendak membeli buku-buku yang tertentu bagi melengkapkan anak-anak mereka untuk belajar daripada penggal yang pertama, maka terdapat dua tiga buah buku itu tidak ada lagi. Bila ditanya di sekolah dan di kedai mereka mengatakan, "Sudah habis, kurang cetakan dan sebagainya". Katanya lagi, "Bolehlah kita tunggu dalam seminggu dua buku-buku ini akan sampai". Tetapi didapati ada kalanya, sampai penggal ketiga pun buku berkenaan tidak sampai lagi. Ini adalah menghampakan. Pada pendapat saya, selagi Lembaga Pengurus Sekolah bagi tiap-tiap sekolah, tidak mahu bertindak bagi mengatasi masalah kekurangan buku-buku maka selama itulah kekurangan itu tidak akan dapat diatasi tegasnya, penyakit ketiadaan buku-buku teks tetap akan berulang selalu, di kalangan murid-murid di sekolah. Inilah satu daripada puncunya. Tuan Yang di Pertua, yang membawa anak-anak kita kecikiran dalam peperiksaan pada tiap-tiap tahun yang telah berlalu.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, sekiranya kita hendak memajukan penuntut-penuntut pada tiap-tiap sekolah dalam Malaysia ini sepatutnya pihak yang berwajib mestilah mengadakan rumah-rumah guru yang sepatutnya di kawasan sekolah-sekolah itu, supaya guru-guru ini dapat mengawal dan mengelolakan segala-galanya mahupun dalam bidang aktiviti murid-murid dan kemajuan sekolah itu, pada sebelah petang khususnya.

Sebaliknya kalau guru berkenaan duduk di luar kawasan sekolah barangkali tempat tinggalnya, jauh yang memakan masa antara satu atau dua jam perjalanan ulang-alik

ke sekolahnya, dengan cara begitu masanya terbangun di jalan mungkin aktiviti yang dijalankan itu cuma tinggal aktiviti sahaja.

Inilah pandangan saya dalam hal Kementerian Pelajaran.

Saya beralih pula kepada Menteri yang berkenaan dengan perdagangan dan perindustrian, mengenai harga barang-barang. Apa yang saya boleh fahamkan di sini, Tuan Yang di Pertua, saya ini baharu lagi, kalau dalam masa jangka 2 tahun belum confirm lagi, kalau dikira dalam percubaan, mesti sampai 3 tahun. Apa yang dapat saya pastikan, dalam hal harga barang-barang di tiap-tiap kali mesyuarat dilangsungkan, bilakah masanya dapat diberhentikan dalam hal perbincangan harga barang-barang ini.

Harga barang-barang ini naik, Tuan Yang di Pertua, bila gaji tambahan menjelang tiba kepada pekerja-pekerja di jabatan Kerajaan misalnya, harga barang naik. Bila harga getah naik sedikit, maka harga barang naik juga, dia lebih-lebih lagi dalam hal kenaikan cukai. Pagi tadi saya telah duduk minum kopi di kedai Chow Kit Road, ramai orang-orang yang ada di situ, mereka tidak kenal saya barangkali, kalau kenal dia seganlah hendak bercakap. Terus-terus mereka masuk ke lubang telinga saya sendiri. Katanya, "Kalau harga ini naik kepada kakitangan Kerajaan yang mendapat tambahan gaji tidak mengapalah, tetapi kenapa Kerajaan tidak terfikir, katanya, "Pendapatan buruh-buruh yang mendapat gaji \$100 ke bawah ini juga turut sama terlibat".

Alangkah sedihnya, Tuan Yang di Pertua, sekiranya perkara ini berlanjutan dan berleluasa di tanah air kita ini, jika tidak diambil tindakan yang sewajarnya. Kita sama-sama mengerti dan sama-sama membeli barang keperluan sehari-hari dan bagaimanakah keadaannya sekiranya kita sendiri yang berkeluarga dengan berpendapatan \$100 terpaksa menghadapi harga barang yang naik melambung seperti sedang berlaku sekarang ini, dengan sewenang-wenangnya itu.

Inilah yang dapat saya sampaikan semoga dapat perhatian, walaupun harga barang ini tidak dapat ditetapkan, tetapi janganlah hendaknya naik satu benda 10 perkara yang lain turut naik. Penderitaan yang perit ini adalah kepada manusia-manusia yang

kurang bernasib baik yang ada dalam negeri kita sendiri, menderita, akibat kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari oleh peniaga-peniaga yang opercunis itu.

Tuan Yang di Pertua, izinkan saya untuk bertanya berhubung dengan negeri saya, Melaka, agak kecil dan tertua, iaitu dalam hal kemajuan membuat jeti di pantai Melaka.

Saya telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Melaka daripada tahun 1959 sampai 1969 termasuk lagi dua tahun saya menghabiskan perkhidmatan saya itu sudah mula bersuara hendak membuat jeti. Tetapi, sampai sekarang jeti tersebut belum dibina lagi. Kalau tidak salah saya, Y. B. Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin, telah memperuntukkan sebanyak \$2 juta untuk mengkaji dan pelaksanaan rancangan tersebut bagi kebaikan negeri Melaka. Di manakah wang peruntukan projek tersebut? Inilah tanda-tanya saya semuga dapat dijawab dalam Dewan ini, dan dapat saya panjangkan kepada rakyat Negeri Melaka.

Sekarang saya sentuh pula mengenai jalan raya di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya. Dalam tiga empat bulan yang lalu saya acapkali berulang-alik dari Melaka ke Rompin, Negeri Sembilan. Daripada Masjid Tanah saya melalui jalan mengikut Gemas. Kira-kira empat batu ke Gemas masuk ke kiri, namanya Jalan Rompin. Setahu saya daripada bulan Oktober 1972 dua buah jambatan baharu dibina dan jalanraya baharu dibaiki dan siap pada bulan Disember, 1972. Yang menjadi tanda-tanya saya dalam hal ini, Tuan Yang di Pertua, baharu dua bulan jalan ini siap, sudah pecah. Bagaimana engineer membatu jalan ini? Ini wang negara. Ramai rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan bahawa setiap satu sen yang dibelanjakan itu adalah wang rakyat. Kenapa jalan ini baharu dibuat, sudah pecah dan bertabur batu-batunya? Ini merugikan negara.

Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang kerana wang yang dikeluarkan berjuta-juta itu tidaklah membazir, dan merugikan pada seluruh negara. Begitu juga halnya jalan raya dari Johor sampai ke Perlis, sebab dalam tahun ini saya sudah berulang-alik dua kali, tetapi satu contoh ini sahaja yang dapat saya tunjukkan, kerana menjimatkan masa Dewan.

Tuan Yang di Pertua, dalam hal Kebudayaan saya ingin menyentuh di segi lagu yang disiarkan oleh pihak Radio dan T.V. dewasa ini. Barangkali saya orang yang sudah tua oleh itu saya kurang minat dengan lagu-lagu ciptaan baru tetapi saya lebih tertarik dengan lagu-lagu yang berunsurkan kelasik lama, tidak kelam-kabut, tetapi tetap dengan keasliannya yang lemah gumalai menawan. Saya bukan penghalang kepada pencipta-pencipta lagu baru tetapi apa yang saya harapkan, tolonglah utamakan sedikit dalam Radio ataupun Talivisyen, lagu-lagu yang sempurna dan bernilai sedikit. Itulah harapan saya. Dalam hal Talivisyen khasnya soal lelaki berambut panjang macam saudara saya Tuan Abdul Samad. Dia boleh potong rambutnya itu bilamana hendak mengambil bahagian tertentu tetapi yang susahnyanya, kalau lelaki ini boleh ditegur, macammana pula wanita. Banyak kes-kes yang kurang menyenangkan masih berlaku. Saya hendak tegur pun malu. Yang Berhormat Tuan Haji Zainuddin sudah pun menyentuh perkara ini. Dahulu masa saya baharu masuk dalam Dewan Negara ini heboh diperkatakan soal mini-skirt wanita, lepas daripada itu pula hot-pant yang lebih menyeramkan kita. Kerana wanita yang berhot-pant itu, kira-kira hanya panjang sejengkal kain kalau diukur dari pinggang ke bawah. Ini pun sepatutnya negara mengambil perhatian. Kalau hendak pakai hot-pant itu, buat dalam rumah lebih sesuai dari dipakai di bandar-bandar. Seolah-olah tidak ada pakaian yang lain bagi mengelakkan kepanasan konon. Itulah berita panas dewasa ini yang berlawanan dengan adat timur asli kita yang kurang baik perlu diatasi.

Saya harap kedua-dua Senator wanita yang ada di dalam Dewan Negara barangkali dapat mengubatkan penyakit yang saya anggap liar dan merbahaya itu. Saya tidak menafikan yang selalu lelaki berpengaruh dan hendak berkahwin dua, tiga, bila memandang dan tertarik kepada yang begitu kental. Saya rasa demi untuk menjaga nama baik rakyat dan negara kita hari ini, sama-samalah kita ketepikan pengaruh-pengaruh liar seumpama itu dan ujudlah yang hakiki agar dapat kita merasa manisnya untuk jenarasi kita yang akan datang.

Inilah sahaja yang dapat saya sampaikan, Tuan Yang di Pertua. Saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1973.

**Tuan Abu Bakar bin Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 ini dengan harapan bahawa tahun 1972 telah berlalu, maka tiba pula tahun 1973 dan beberapa hari ini kita telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 ini.

Bagi saya, setelah meneliti dalam buku budget yang telah diberi, maka didapati peruntukan-peruntukan bagi Negeri Trengganu adalah terlampau kurang. Dengan sebab itulah, walaupun bagaimanapun untuk hendak mendapatkan pembangunan bagi tahun 1973 ini di Negeri Trengganu yang telah menjadi harapan tipis, tetapi saya merayulah mengambil kesempatan dalam Dewan ini semuga bagi tahun yang akan datang ini pihak-pihak Kementerian yang tertentu janganlah selalu melupakan, untuk membuat pembangunan di dalam Negeri Trengganu, yang telah dan akan diketahui oleh semua pihak ialah sebuah Negeri yang terlampau mundur di dalam negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu, saya suka menyentuh dalam Kementerian Pelajaran. Saya mengucapkan ke hadrat Allah s.w.t., dengan sebab Kementerian Pelajaran ini telah banyak menjalankan peranannya untuk mendidik dan memberi pelajaran kepada warganegara kita Malaysia ini, tetapi di sini saya suka menyatakan penempatan guru-guru di sekolah menengah dalam negara Malaysia kita ini adalah berbeza sekali dengan kedudukan sekolah menengah di dalam bandar dengan sekolah-sekolah menengah yang ada di luarbandar dalam negara kita ini. Dengan sebab terdapat pada masa-masa yang lalu dan pada masa ini juga perimbangan guru-guru yang berijazah di sekolah menengah di bandar-bandar dan luarbandar ini adalah sangat-sangat berbeza, kerana guru-guru yang berijazah ini ramai ditempatkan di bandar-bandar dan tinggallah guru-guru sementara di sekolah-sekolah menengah di luarbandar, dengan beberapa orang guru-guru yang berijazah. Dengan keadaan yang seumpama ini perimbangan ilmu pengetahuan yang akan didapati oleh rakyat dalam negara kita ini tentulah tidak akan seimbang. Dengan sebab itulah, Tuan Yang di Pertua, saya harap sungguh-sungguh semuga ini akan diambil perhatian yang berat oleh pihak

Kementerian Pelajaran ini dalam masaalah menempatkan guru-guru yang berijazah di sekolah-sekolah menengah di luar bandar.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu pula, saya suka menyentuh dalam masaalah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di bawah Kementerian ini kita dapati satu jabatan telah dilahirkan oleh pihak Kementerian ini dalam tahun 1961 iaitulah apa tetah dikatakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Perlis tempoh hari iaitu kalau dahulu kita kenalkan jabatan itu ialah Jabatan Dewasa tetapi pada hari ini Jabatan Dewasa itu telah ditukarkan kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat. Jabatan ini, pada pendapat saya, adalah satu-satu jabatan yang hampir dengan masyarakat untuk membangun dan mendidik masyarakat di luar bandar khasnya dan juga masyarakat bandar tetapi, kepada pegawai dan kakitangan jabatan ini sejak 10 tahun dahulu, bukan sahaja 10 tahun oleh kerana jabatan ini telah ditubuhkan tahun 1961 sekarang kita berada dalam tahun 1973 bererti jabatan ini sudah 12 tahun dilahirkan oleh Kerajaan kita. Kedudukan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan ini tidak berubah meskipun tanggungan-tanggungan yang telah diterima dan akan diterima oleh pegawai-pegawai ini amatlah berat terutama sekali dalam saat Kerajaan hendak melancarkan gerakan pembaharuan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di Pertua, tentulah dapat sama-sama kita meyakinkan bahawa dengan pendapatan yang diberi oleh Kerajaan, umpamanya kepada Penyelia Kelas Kemajuan Masyarakat ini sebanyak \$300 sebulan, tetapi kedudukan perkhidmatan mereka adalah dari sehari ke sehari, bukan dari sebulan ke sebulan, apatah lagi dari setahun ke setahun, hanya dari sehari ke sehari dan dengan pendapatan sebanyak \$300 itulah mereka membelanjakan untuk minyak kereta mereka, untuk minyak motosikal, untuk menderma kepada penduduk-penduduk di kampung di mana kalau mereka ini terdapat seruan mereka untuk menjalankan gotong-

royong bagi kebajikan di kampung, maka sudah tentu pada masa itu orang kampung sendiri akan memohon derma kepada pihak penyelia yang saya sebutkan tadi. Pada masa itu tak dapat tiadalah pihak penyelia ini terpaksa memberi derma sekadar apa yang dia boleh, tetapi alangkah tidak baiknya nasib kakitangan jabatan ini dengan pendapatan yang sebanyak yang diberi itu dengan pengorbanan yang telah ditanggungkan kepada mereka itu.

Tuan Yang di Pertua, saya bimbang, kalau dalam masa 12 tahun pertimbangan ini tidak diberi oleh Kerajaan sedangkan sekali-sekala mesyuarat-mesyuarat seluruh penyelia dalam negara kita ini telah diadakan dan keputusan-keputusan telah dibuat, telah dihantar kepada pihak Kementerian, tetapi apa yang telah diputuskan oleh pihak kakitangan jabatan ini belumlah lagi dapat ketentuan daripada pihak Kerajaan kita ini. Dengan itu, saya merayu sungguh-sungguh supaya pihak Kerajaan ini dapat mengkaji balik di atas kedudukan jabatan ini supaya jabatan ini akan dapat memainkan peranan yang lebih penting untuk membaiki keadaan kedudukan penduduk-penduduk di luar bandar dalam negara kita ini.

## PENANGGUHAN

(Usul)

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, 16hb Februari, 1973.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.15 petang.*